


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 3






LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK
SIRI 3


**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN KERJA RAYA DAERAH KINTA	3
JABATAN KERJA RAYA DAERAH KUALA KANGSAR	
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR	
Program Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK	19
Pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak	
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK	51
Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.	
PENUTUP	69



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.


4. Sebanyak 3 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan sebanyak 2 lagi aktiviti dan 1 pengurusan syarikat iaitu Program Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS), Pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak serta pengurusan syarikat Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
3 Oktober 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KERJA RAYA DAERAH KINTA JABATAN KERJA RAYA DAERAH KUALA KANGSAR MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR - Program Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)

1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 di Negeri Perak adalah 15,870.75 km. Jalan Negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Sebuah syarikat konsesi G.B. Kuari Sdn. Bhd. telah dilantik oleh JKR bagi menjalankan kerja penyenggaraan dan membaik pulih jalan raya dalam negeri Perak. Selain itu, Agensi Pelaksana juga akan melantik kontraktor lain untuk menjalankan kerja penyenggaraan jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Mengikut Buku Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Tahun 2010, tujuan penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan:

- 1.1.1.** Permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat;
- 1.1.2.** Struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik; dan
- 1.1.3.** Laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

1.2. Pengauditan dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri adalah memuaskan kecuali prestasi pembinaan dan penyenggaraan longkang yang perlu dipertingkatkan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kecacatan pembinaan yang berulang.
- Kecacatan akibat pengorekan jalan oleh pihak lain.
- Longkang tidak disenggara.

1.3. Bagi memastikan penyenggaraan jalan negeri sentiasa diurus dengan cekap dan selamat serta selesa kepada pengguna adalah disyorkan langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. Penyenggaraan secara berkala dan berterusan perlu dibuat oleh Agensi Pelaksana selepas kerja pembaikan dijalankan bagi memastikan kerosakan tidak berlaku dan dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak berulang.

1.3.2. Memastikan penyenggaraan jalan negeri dipantau oleh Agensi Pelaksana secara berterusan untuk mengelakkan kerja-kerja pengorekkan jalan oleh pihak lain tidak dibuat tanpa kelulusan termasuk memastikan jalan-jalan yang dikorek dibaiki semula dengan baik bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

2. JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

- Pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak

2.1. Kerajaan Negeri Perak menubuhkan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) untuk memberi pendidikan agama secara teratur dan sempurna kepada pelajar-pelajar beragama Islam di negeri Perak. Bagi memenuhi tujuan tersebut, tiga SMAN telah ditubuhkan iaitu Sekolah Raja Izzuddin Shah, Sekolah Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah masing-masing pada tahun 1959, 1960 dan 2000. Sehingga tahun 2012, SMAN mempunyai seramai 1,746 pelajar dan 171 guru. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri ditadbir oleh Kerajaan Negeri di bawah Bahagian Pendidikan Agama (BPA), Jabatan Agama Islam Negeri Perak (Jabatan). Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan kepada SMAN bagi tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM3.39 juta manakala peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM44.18 juta. Sejumlah RM2.83 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan pembangunan dan RM43.59 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan mengurus.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi pencapaian akademik ketiga-tiga SMAN adalah pada tahap yang baik kerana berjaya mencapai Gred Purata Sekolah dan Gred Purata Mata Pelajaran di bawah aras 2 dan pencapaian tersebut perlu terus dikekalkan. Bagaimanapun pengurusan SMAN adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pengurusan aset tidak memuaskan.
- Pengurusan kemudahan sekolah tidak disenggara dengan sempurna dan tidak dapat diguna sepenuhnya serta tahap kebersihan kurang memuaskan.
- Pengurusan Akaun Sumbangan Wang Awam (SUWA) adalah tidak memuaskan.
- Pemantauan yang kurang berkesan.

2.3. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan pihak SMAN perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, Jabatan dan pihak SMAN adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Menyediakan *Standard Operating Procedure* untuk memantapkan pengurusan kewangan SMAN terutama Akaun Sumber Wang Awam.

2.3.2. Memberi latihan berkaitan pengurusan kewangan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran SMAN secara berkala.

2.3.3. Memastikan Unit Naziran, Bahagian Pendidikan Agama Jabatan serta pihak pengurusan sekolah memainkan peranan dengan lebih berkesan dan menjalankan pemantauan terhadap SMAN.

2.3.4. Memastikan kemudahan sekolah dan aset sentiasa dijaga dengan baik, bersih dan selamat untuk digunakan serta disenggara dan dibaiki dengan sempurna.

2.3.5. Memastikan Penyelia Asrama dan Warden Asrama bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan lebih baik supaya pengurusan diri dan tahap disiplin pelajar terhadap kebersihan asrama dapat dipertingkatkan.

3. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.

3.1. Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd. (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan pegangan 100% ekuiti. Syarikat dahulunya dikenali sebagai Silver Active Management Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 24 Jun 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. Tujuan penubuhan adalah untuk memajukan industri tempatan dan global melalui transformasi dan inovasi di sektor perkilangan, perdagangan dan perkhidmatan. Silver Active Management Sdn. Bhd. telah ditukar nama kepada Perak Hi-Tech Sdn. Bhd. pada 9 April 2007. Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan pembangunan Taman Teknologi Tinggi (*High Technology Park*) merangkumi pembangunan kawasan perindustrian berteknologi tinggi, institusi kerajaan, perumahan dan hartanah seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak ke arah negeri maju pada tahun 2015. Sehingga 31 Disember 2012, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM500,000 dan modal saham berbayar RM160,002.

3.2. Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat adalah memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2011 keuntungan terkumpul Syarikat adalah sejumlah RM0.45 juta berbanding kerugian terkumpul RM0.66 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti utama Syarikat yang meliputi aktiviti pembangunan infrastruktur asas adalah tidak memuaskan kerana projek yang dilaksanakan tidak dapat

disiapkan mengikut jadual. Tadbir Urus Korporat Syarikat secara keseluruhan adalah tidak memuaskan kerana polisi dan peraturan kewangan dan perakaunan Syarikat tidak disediakan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembinaan tidak dapat disiapkan mengikut jadual.
- Syarikat tidak mempunyai terma rujukan berkaitan peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah dan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut kekerapan bermesyuarat bagi membincangkan hal-hal berkaitan perjalanan aktiviti Syarikat.
- Unit Audit Dalam PKNP tidak menjalankan pengauditan di Syarikat.
- Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi tidak disediakan.
- *Standard Operating Procedure*, Polisi dan Peraturan Kewangan serta Perakaunan tidak disediakan.


3.3. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat serta memastikan objektif penubuhannya tercapai, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Syarikat Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.3.1. Mengambil tindakan segera menaiktaraf Jalan Protokol mengikut spesifikasi JKR bagi menjamin ketahanan jalan dan menyerahkan kepada JKR bagi tujuan penyenggaraan.

3.3.2. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak perlu menyegerakan pelaksanaan keputusan mesyuarat bersama wakil setinggian supaya Syarikat dapat meneruskan pembinaan projek seperti yang dirancang.

3.3.3. Memastikan *SOP*, rancangan korporat serta petunjuk prestasi utama serta Polisi Prosedur Kewangan dan Perakaunan disediakan dengan lengkap bagi memantapkan pengurusan kewangan Syarikat.

3.3.4. Mewujudkan Unit Audit Dalam bagi memantau dan menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan Syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA DAERAH KINTA JABATAN KERJA RAYA DAERAH KUALA KANGSAR MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

1. PROGRAM PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS)

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Mengikut Buku Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Tahun 2010, tujuan penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan:

1.1.1.1. Permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat;

1.1.1.2. Struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik; dan

1.1.1.3. Laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

1.1.2. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 di Negeri Perak adalah 15,870.75 km. Jalan Negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Sebuah syarikat konsesi G.B. Kuari Sdn. Bhd. telah dilantik oleh JKR bagi menjalankan kerja penyenggaraan dan membaik pulih jalan raya dalam negeri Perak. Selain itu, Agensi Pelaksana juga akan melantik kontraktor lain untuk menjalankan kerja penyenggaraan jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Jadual 1.1** menunjukkan panjang jalan MARRIS Negeri Perak serta peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 hingga 2012.

Jadual 1.1**Panjang Jalan Negeri Perak Dan Peruntukan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Perkara	Tahun		
		2010	2011	2012
1.	Panjang Jalan (km)	7,719.583	11,832.555	15,870.746
2.	Pemberian Persekutuan (RM Juta)	185.02	188.55	219.46

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Perak

1.1.3. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan secara berperingkat setiap tahun kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf (*standard*); jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan.

1.1.4. Selain daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, jalan negeri juga disenggarakan dengan menggunakan pendapatan daripada Kerajaan Negeri. Kedua-dua sumber kewangan penyenggaraan jalan negeri ini diperakaunkan dalam satu akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan. Bagaimanapun bagi tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri Perak tidak menyediakan peruntukan untuk menyenggara jalan-jalan negeri.

1.1.5. Kerja penyenggaraan jalan negeri dibahagikan kepada 3 jenis iaitu penyenggaraan berkala, biasa dan kecemasan. Keterangan lanjut mengenai 3 jenis penyenggaraan ini adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2**Tiga Jenis Penyenggaraan Jalan Negeri**

Jenis Penyenggaraan	Keterangan
Berkala	Penyenggaraan jalan negeri secara berkala memerlukan pemeriksaan dan penilaian ke atas keupayaan struktur <i>pavemen</i> jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Kerosakan permukaan jalan biasanya dapat dikaitkan dengan kelemahan struktur <i>pavemen</i> jalan. Contoh penyenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur <i>pavemen</i> jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (<i>resurfacing</i>) setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam <i>Highway Maintenance Manual</i> serta memotong dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada.
Biasa	Penyenggaraan jalan negeri secara biasa memerlukan kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pembaikan serta tidak membabitkan kelemahan struktur <i>pavemen</i> jalan. Penyenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyenggaraan

Jenis Penyenggaraan	Keterangan
Biasa	<i>pavemen</i> , penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pembetung dan jambatan serta penyenggaraan longkang.
Kecemasan	Penyenggaraan jalan negeri semasa kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya dengan serta merta seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya.

Sumber: Buku Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Tahun 2010

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan MARRIS telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ditumpukan kepada kerja penyenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Skop pengauditan dijalankan di JKR Daerah Kinta, JKR Daerah Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bagi tahun 2010 sehingga bulan Februari 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa rekod dan menganalisis data berkenaan kerja penyenggaraan jalan negeri bagi tahun 2010 hingga bulan Februari 2013 termasuk borang soal selidik diedarkan kepada pengguna jalan raya. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan di lokasi yang dipilih juga dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri adalah memuaskan kecuali prestasi pembinaan dan penyenggaraan longkang yang perlu dipertingkatkan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kecacatan pembinaan yang berulang.
- Kecacatan akibat pengorekan jalan oleh pihak lain.
- Longkang tidak disenggara.

1.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

1.4.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KWAPJN) ditubuhkan di bawah Seksyen 9(3) Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan kerja penyenggaraan jalan negeri. Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri adalah berdasarkan panjang jalan yang didaftarkan. Pada tahun 2010 hingga 2012, terimaan dan perbelanjaan dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Perak adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

**Terimaan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Perak
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Pemberian Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Perbelanjaan %
2010	185.02	192.15	103.8
2011	188.55	174.19	92.4
2012	219.46	185.66	84.6
Jumlah	593.03	552.00	93.1

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Perak

- b. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh agensi pelaksana dalam tempoh 3 tahun adalah antara 99% hingga 100%. Butiran mengenai peruntukan diterima dan dibelanjakan bagi JKR Daerah Kinta, JKR Daerah Kuala Kangsar dan MPKK (Agensi Pelaksana) adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Peruntukan Dan Perbelanjaan Agensi Pelaksana Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	JKR Daerah Kinta			JKR Daerah Kuala Kangsar			Majlis Perbandaran Kuala Kangsar		
	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%
2010	8.21	8.21	100	10.10	10.10	100	7.82	6.40	82
2011	10.41	10.41	100	5.93	5.93	100	7.82	8.11	104
2012	10.24	10.24	100	10.60	10.47	98	8.60	9.91	115
Prestasi Perbelanjaan			100						

Sumber: Buku Vot Agensi Pelaksana

Nota P: Peruntukan Diterima, B: Perbelanjaan,

- c. Mengikut peraturan, peruntukan KWAPJN hanya boleh digunakan untuk tujuan kerja penyenggaraan jalan negeri dan kerja berkaitannya. Skop perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Perak adalah mengikut peruntukan dalam Seksyen 6, Arahan Amanah yang dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perak pada 21 Mei 2009. Perbelanjaan hanya bagi tujuan membayar tuntutan penyenggaraan jalan raya yang tersenarai di dalam Daftar MARRIS bagi penyenggaraan biasa, berkala dan kecemasan. Jenis-jenis penyenggaraan mengikut Arahan Amanah seperti di **Jadual 1.5**. Semakan terhadap perbelanjaan yang menggunakan Wang Amanah bagi tahun 2010 hingga 2012 oleh Agensi Pelaksana

mendapati perbelanjaan yang telah dilakukan adalah memenuhi kriteria perbelanjaan yang dibenarkan mengikut Arahan Amanah.

Jadual 1.5

Jenis-Jenis Penyelenggaraan Yang Dibenarkan Mengikut Arahan Amanah

Biasa	Berkala	Kecemasan
Menampal Jalan	Membaru Muka Jalan	Penyelenggaraan Dan Bayaran Bil Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat
Memotong Rumput	Melebar Jalan	Kerja-Kerja Kecemasan (Tanah Runtuh, Banjir)
Membersih Longkang Dan Jambatan	Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang	Melebar Dan Menguatkan Struktur Jalan
Memasang Baru, Mencuci, Mengganti Dan Membaiki Perabut Jalan	Menurap Bahu Jalan	
Mengred Semula Bahu Jalan	Membaiki Pembentung Dan Jambatan	
Mengecat Garisan Jalan	Membaiki Benteng/Cerun	

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Perak

Pada pendapat Audit, Agensi Pelaksana telah menggunakan peruntukan MARRIS menyenggara jalan negeri secara optimum dan mematuhi peraturan seiring dengan matlamat memberi keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna jalan raya.

1.4.1.2. Prestasi Kerja Penyelenggaraan

Prestasi kerja penyelenggaraan diukur sama ada telah disiapkan dalam tempoh dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan atau melalui perbandingan kos sebenar kerja dengan kos asal. Bagi memastikan penyelenggaraan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan, Agensi Pelaksana iaitu JKR Daerah Kinta, JKR Daerah Kuala Kangsar dan MPKK perlulah melaksanakan aktiviti penyelenggaraan selaras dengan tanggungjawab serta perancangan yang dibuat. Semakan Audit terhadap kerja penyelenggaraan mendapati perkara berikut:

a. Prestasi Pelaksanaan Projek

Bilangan kerja penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.6**. Lima belas sampel kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh setiap Agensi Pelaksana telah dipilih iaitu terdiri daripada 5 projek tahun 2010, 5 projek tahun 2011 dan 5 projek tahun 2012. Semakan Audit mendapati semua kerja telah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan masa antara 1 hingga 4 bulan.

Jadual 1.6**Bilangan Projek Penyelenggaraan Yang Telah Dilaksanakan**

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Kerja Penyelenggaraan		
		Tahun		
		2010	2011	2012
1.	JKR Kinta	151	112	178
2.	JKR Kuala Kangsar	105	63	100
3.	MPKK	333	326	359

Sumber: Agensi Pelaksana

b. Prestasi Pembinaan Projek

Bagi memastikan setiap projek penyelenggaraan berkala, biasa dan kecemasan dilaksanakan mengikut spesifikasi dan tujuan peruntukan MARRIS sebanyak 15 projek telah dilawati. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Kerja-kerja Pembaikan Cerun Di Seksyen 9.7 (A 08) Daerah Kinta, Perak

Syarikat Azrika Ventures Sdn. Bhd. telah dipilih secara tender bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun runtuh sepanjang 60 meter dengan kos berjumlah RM524,478. Kos utama bagi projek ini sejumlah RM315,090 yang melibatkan pembaikan cerun di Seksyen 9.7 (A 08) telah siap mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 31 Julai 2012 seperti di **Jadual 1.7**. Lawatan Audit pada 10 Jun 2013 mendapati pembinaan cerun ini telah dilaksanakan dengan baik serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat mendapan tanah, pecahan batu dan rumput yang telah menyekat pengaliran air seperti di **Gambar 1.1** berpunca daripada *toe drain* tidak disenggara dengan baik. Pembersihan *toe drain* secara rutin seperti di **Gambar 1.2** dapat membantu mengekalkan struktur jalan apabila air daripada permukaan jalan atau cerun dapat dialirkan ke tempat yang sesuai. **Mengikut maklum balas bertarikh 18 September 2013, kerja-kerja senggaraan *toe drain* telah diswastakan kepada Syarikat Konsesi Empayar Indera Sdn. Bhd. dan perlu dijalankan 2 kali setahun.**

Jadual 1.7**Kos Utama Pembaikan Cerun Di Seksyen 9.7(A 08) Daerah Kinta**

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Mengorek dan membawa keluar tanah yang dikorek	60,000
2.	Membekal dan memasang <i>Tensar geogrid</i> RE520 sebagai tentulang tanah	160,875
3.	Membekal dan memasang KeyStone Block sebagai permukaan untuk pembinaan tembok <i>Tensar-KeyStone</i>	14,550
4.	Membina <i>Toe Drain</i>	45,000
5.	Membina <i>Cut off Drain</i>	24,000
6.	Membekal rumput secara rapat di cerun	10,665
Jumlah		315,090

Sumber: JKR Daerah Kinta

Gambar 1.1
Penyenggaraan Toe Drain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 9.7, Daerah Kinta
Tarikh: 10 Jun 2013

Gambar 1.2
Penyenggaraan Toe Drain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 9.7, Daerah Kinta
Tarikh: 18 Julai 2013

ii. Bekal Dan Pasang *Gabion* Di Seksyen 4.3, Jalan Kuala Dipang-Chenderiang (A 119) Daerah Kinta Perak

Syarikat Pembinaan Nazbina telah dipilih secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja membekal dan memasang *gabion* dengan kos sejumlah RM42,910. Kos utama projek ini berjumlah RM28,909 bagi kerja-kerja membekal dan memasang *gabion* di Seksyen 4.3 telah siap pada 14 November 2012 seperti di **Jadual 1.8**. Lawatan Audit pada 10 Jun 2013 mendapati sebahagian bahu jalan telah runtuh seperti di **Gambar 1.3**. Bagaimanapun, cerun telah dibaiki selepas mendapat teguran Audit dan lawatan susulan Audit pada 18 Julai 2013 mendapati seperti di **Gambar 1.4**. **Mengikut maklum balas bertarikh 16 Oktober 2013, hakisan cerun bahu jalan adalah disebabkan oleh ketidakcukupan bilangan *gabion* sehingga aras pavement jalan memandangkan pembinaan *gabion* adalah sebanyak 64 bilangan sahaja, manakala kerja-kerja tambahan yang lain (tambahan pembinaan *gabion* sehingga paras *pavement*) dijalankan pada tahun 2013 setelah peruntukan diperoleh pada tahun semasa.**

Jadual 1.8
Kos Utama Bekal Dan Pasang Gabion Di Seksyen 4.3,
Jalan Kuala Dipang-Chenderiang

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Membekal, melantak cerucuk bakau purata ukuran 100mm diameter & 3m panjang	12,909
2.	Membekal dan memasang 64 sangkar Gabion Gauge 16 bersalut PVC berukuran 1m x 1m x 1m dan diisi batu blok berukuran 150mm-225mm	16,000
Jumlah		28,909

Sumber: JKR Daerah Kinta

Gambar 1.3
Jajaran Cerun Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 4.3, Jalan Kuala Dipang-
Chenderiang (A 119)
Tarikh: 10 Jun 2013

Gambar 1.4
Jajaran Cerun Runtuh Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 4.3, Jalan Kuala Dipang-
Chenderiang (A 119)
Tarikh: 18 Julai 2013

iii. Kerja-kerja Mewujudkan Kemudahan *Right Turn* Di Persimpangan *Loop Tambun (Sunway)*, Daerah Kinta Perak

- Syarikat Tamret Enterprise telah dipilih secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja kemudahan *right turn* di Persimpangan *Loop Tambun (Sunway)* dengan kos sejumlah RM240,239. Kos utama projek ini berjumlah RM206,080 yang melibatkan kerja kemudahan *right turn* dan melebar jalan telah siap pada 15 September 2012 seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9

Kos Utama Kerja-kerja Mewujudkan Kemudahan *Right Turn*

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Membekal dan bina <i>Rubble Pitching Wall</i> sebagai dinding graviti guna batu blok	84,000
2.	Membekal dan memadat pasir di belakang <i>Rubble Pitching Wall</i>	27,000
3.	Membekal, menghampar dan merata batu hancur granite setebal 475mm serta memampat dengan <i>vibrating roller</i> 10 ton	13,500
4.	Membekal, menghampar dan memampat <i>binder course</i> setebal 70mm dengan roller 10 ton	25,200
5.	Membekal, menghampar dan memampat dengan roller 10 ton setebal 40mm	31,680
6.	Membekal dan memasang <i>egg shaped toe drain</i>	11,700
7.	Membekal dan memasang Pembentung Kekotak bersaiz 1.2m x 1.5m termasuk base konkrit setebal 200mm	13,000
Jumlah		206,080

Sumber: JKR Daerah Kinta

- Lawatan Audit pada 10 Jun 2013 mendapati Kerja-kerja Mewujudkan Kemudahan *Right Turn* Di Persimpangan *Loop Tambun (Sunway)* telah dilaksanakan dengan baik mengikut spesifikasi. Bagaimanapun terdapat kerosakan permukaan jalan jenis lekukan dan telah dibaiki semula oleh kontraktor semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan. Kerosakan jenis lekukan perlu disenggara dengan segera kerana boleh menyebabkan air mudah bertakung dan akan menjejaskan struktur jalan mengakibatkan keselamatan pemanduan seperti di **Gambar 1.5**. Selepas teguran Audit

didapati permukaan jalan yang dibaru muka di kawasan berlaku lekukan dan mengecat garisan jalan telah dilaksanakan dan lawatan susulan Audit pada 11 Jun 2013 adalah seperti di **Gambar 1.6. Mengikut maklum balas bertarikh 18 September 2013, tindakan telah diambil dengan mengecat garisan jalan di lokasi tersebut.**

Gambar 1.5
Tiada Garisan Putih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Right Turn* Di Persimpangan *Loop*
Tambun (Sunway)
Tarikh: 10 Jun 2013

Gambar 1.6
Garisan Putih Telah Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Right Turn* Di Persimpangan *Loop*
Tambun (Sunway)
Tarikh: 11 Jun 2013

iv. Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Di Seksyen 9.9 (A08) Daerah Kinta Perak

- Syarikat Selectif Construction telah dipilih secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun dengan kos sejumlah RM419,623. Kos utama pembaikan cerun ini di Seksyen 9.9 (A08) sejumlah RM324,530 telah disiapkan pada 30 Mac 2012 seperti di **Jadual 1.10.**

Jadual 1.10

Kos Utama Kerja-kerja Pembaikan Cerun Di Seksyen 9.9 (A08) Daerah Kinta

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Mengorek dan membawa keluar tanah yang dikorek	21,310
2.	Membekal dan memasang <i>tensor geogrid</i> sebagai tentulang tanah	187,680
3.	Membekal, menambak dan memampatkan bahan tambakan	80,980
4.	Membekal, menambak dan memampatkan pasir untuk tembok penahan	34,560
Jumlah		324,530

Sumber: JKR Daerah Kinta

- Lawatan Audit pada 10 Jun 2013 mendapati pembinaan cerun ini telah dilaksanakan dengan baik mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun penanaman rumput secara *close turfing* tidak dibuat dicerun tersebut mengakibatkan rumput tidak tumbuh dengan sempurna dan cerun mudah terhakis apabila hujan turun seperti di **Gambar 1.7.** Lawatan Audit pada 18 Julai 2013 mendapati rumput telah ditanam secara *close turfing* seperti di **Gambar 1.8.**

Gambar 1.7
Rumput Ditanam Secara *Spot Turfing*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cerun Di Seksyen 9.9 (A08)
Daerah Kinta
Tarikh: 10 Jun 2013

Gambar 1.8
Rumput Ditanam Secara *Close Turfing*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cerun Di Seksyen 9.9 (A08)
Daerah Kinta
Tarikh: 18 Julai 2013

v. Kerja-kerja Membaiki Jalan Runtuh Di Jalan Kg. Bawong Sungai Siput (U) Daerah Kuala Kangsar

- Syarikat Geliong Akar Enterprise telah dipilih secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja membaiki jalan runtuh dengan kos sejumlah RM115,100. Kos utama pembaikan jalan runtuh bagi projek ini sejumlah RM110,910 di Kg. Bawong Sungai Siput (U) (JKR Kuala Kangsar) telah dilaksanakan dan siap pada 15 Ogos 2012 seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11

Kos Utama Kerja-kerja Membaiki Jalan Runtuh Di Jalan Kg. Bawong Sungai Siput (U) Daerah Kuala Kangsar

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Membekal dan memasang sangkar <i>gabion</i>	101,250
2.	Membekal dan menambak tanah termasuk memadat tanah untuk <i>side table</i> termasuk membetulkan jajaran cerun	9,660
Jumlah		110,910

Sumber: JKR Daerah Kuala Kangsar

- Lawatan Audit pada 8 Julai 2013 mendapati jajaran cerun telah runtuh seperti di **Gambar 1.9** namun *gabion* yang dipasang di bahagian bawah masih dalam keadaan utuh. Jajaran cerun ini perlu dibaiki segera dan saluran air perlu dibuat untuk mengatasi hakisan memandangkan kawasan ini adalah laluan air turun daripada tempat yang lebih tinggi. Bagaimanapun cerun telah siap dibaiki oleh kontraktor selepas teguran Audit dan lawatan susulan Audit pada 23 Julai 2013 mendapati seperti di **Gambar 1.10**. **Mengikut maklum balas JKR Kuala Kangsar bertarikh 13 September 2013, tindakan segera diambil dengan melantik kontraktor Shaz Jaya Enterprise pada 22 Julai 2013 dengan kos RM20,000 untuk membina sistem perparitan (longkang tepi jalan) dan membina slab konkrit bagi**

mengelakkan hakisan daripada terus berlaku dan merosakkan cerun tersebut.

Gambar 1.9
Jajaran Cerun Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Bawong Sungai Siput(U)
Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.10
Jajaran Cerun Runtuh Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Bawong Sungai Siput(U)
Tarikh: 23 Julai 2013

vi. Kecacatan Jalan Oleh Pihak Lain

Lawatan Audit terhadap 15 sampel jalan yang disenggara oleh JKR Daerah Kuala Kangsar mendapati 2 kerja pengorekan jalan untuk pemasangan paip air oleh pihak lain telah selesai dilaksanakan. Bagaimanapun didapati tanah di bahu jalan tidak dirata serta dimampatkan dan garisan jalan tidak dicat semula seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**. Agensi Pelaksana memaklumkan bahawa pihaknya tidak dapat memantau atau mengambil tindakan disebabkan kelulusan permohonan berkaitan skop kerja tidak dikemukakan oleh pihak yang lain.

Mengikut maklum balas JKR Kuala Kangsar bertarikh 13 September 2013:

- Bagi kerja di Jalan Sauk/Chenderoh, surat aduan beserta gambar kerosakan telah dikemukakan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kuala Kangsar pada 9 Julai 2013 untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan. Sehingga 5 September 2013 kerja-kerja pemulihan berkenaan belum dilaksanakan oleh kontraktor TNB.
- Bagi kerja di Bulatan *Double Lion*, kebiasaannya pihak ketiga tidak memaklumkan kepada pihak JKR jika kerja-kerja kecemasan dilakukan oleh pihak yang berkenaan dan pihak JKR tidak dapat mengenalpasti pihak yang sepatutnya bertanggungjawab mengecat semula garisan jalan tersebut. Bagaimanapun pihak JKR telah mengambil inisiatif dengan mengecat semula garisan jalan sebagaimana asal.

Gambar 1.11
Bahu Jalan Tidak Dirata Dan
DiMampatkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Sauk/Chenderoh (A159)
 Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.12
Garisan Putih
Tidak Dibuat Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bulatan *Double Lion* Pekan Kuala
 Kangsar
 Tarikh: 8 Julai 2013

vii. Kerja Menaiktaraf Jalan Dan Longkang Di Kampung Bahagia, Sungai Siput (U)

- Syarikat Wa & Wa Enterprise telah dipilih secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan dan longkang di Kampung Bahagia, Sungai Siput Utara (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar) dengan kos sejumlah RM182,692. Kos utama menaiktaraf jalan dan longkang ini adalah sejumlah RM154,290 seperti di **Jadual 1.12**. Lawatan Audit pada 24 Jun 2013 mendapati kerja menaiktaraf jalan dan longkang di Kampung Bahagia, Sungai Siput Utara telah dilaksanakan dengan baik mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, longkang yang dibina tidak disenggara dengan baik kerana dipenuhi rumput rampai sehingga saluran longkang tersumbat dan air bertakung seperti di **Gambar 1.13**.

Jadual 1.12
Kos Utama Menaiktaraf Jalan Dan Longkang Di Kampung Bahagia,
Sungai Siput Utara

Bil.	Jenis Kerja	Kos (RM)
1.	Mengorek jajaran longkang, membekal dan memasang longkang konkrit terbuka 1.5m x 1.2m dengan asas tapak 100mm <i>hardcore</i>	122,850
2.	Mengorek jajaran longkang, membekal dan memasang longkang konkrit terbuka 1.2m x 1.2m dengan asas tapak 100mm <i>hardcore</i>	15,600
3.	Menaiktaraf jalan masuk ke Sekolah Dato' Abdul Wahab	15,840
Jumlah		154,290

Sumber: Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Gambar 1.13
Longkang Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bahagia, Sungai Siput (U)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 1.14
Longkang Dibersihkan



Sumber: MPKK
Lokasi: Kampung Bahagia, Sungai Siput (U)
Tarikh: 10 September 2013

- Selain itu kerja menaiktaraf longkang dan jalan di Taman Sentosa Pertama telah disiapkan, bagaimanapun lawatan Audit pada 24 Jun 2013 mendapati air bertakung kerana longkang tersumbat dipenuhi rumput rampai seperti di **Gambar 1.15**. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak menyenggara longkang dengan baik sehingga air tidak dapat mengalir dengan lancar apabila hujan menjadikan ia tempat pembiakan nyamuk.

Gambar 1.15
Air Bertakung Kerana
Longkang Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sentosa Pertama Sg. Siput(U)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 1.16
Longkang Tersumbat
Dibersihkan



Sumber: MPKK
Lokasi: Taman Sentosa Pertama Sg. Siput(U)
Tarikh: 10 September 2013

- Mengikut maklum balas MPKK bertarikh 18 September 2013, kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan berterusan secara berkala setiap 3 bulan sekali bagi semua longkang monsoon di dalam kawasan Majlis. Longkang telah dilaksanakan kerja pembersihan adalah seperti di Gambar 1.14 dan Gambar 1.16.**

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penyenggaraan adalah memuaskan kerana projek dapat disiapkan mengikut jadual, pemilihan kontraktor dan pemantauan semasa pelaksanaan projek dijalankan dengan sempurna.

1.4.2. Analisis Terhadap Keselesaan Dan Keselamatan Pemanduan

Mengikut Buku Garis Panduan Penyenggaraan Jalan JKR Tahun 2010, permukaan dan persekitaran jalan hendaklah sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Soal selidik dan analisis rekod kemalangan telah dilakukan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya telah tercapai. Hasil maklum balas terhadap keselesaan, tahap kualiti dan keselamatan pengguna jalan adalah seperti berikut:

1.4.2.1. Kepuasan Pengguna Terhadap Keselesaan, Tahap Kualiti Dan Keselamatan Jalan Negeri

- a. Bagi mendapatkan maklum balas pengguna terhadap keselesaan, tahap kualiti dan keselamatan jalan negeri, Jabatan Audit Negeri Perak telah mengedarkan 200 borang soal selidik kepada pengguna dua jalan kendalian setiap Agensi Pelaksana. Jalan-jalan yang dipilih adalah seperti di **Jadual 1.13** dan tahap kepuasan pengguna terhadap keselesaan, tahap kualiti dan keselamatan jalan negeri adalah seperti di **Jadual 1.14** dan **Carta 1.1**.

Jadual 1.13
Jalan Kendalian Agensi Pelaksana


Bil.	Agensi Pelaksana	Nama Jalan
1.	JKR Kinta	Jalan Tengku Abdul Rahman Jalan Jelapang/Chemor
2.	JKR Kuala Kangsar	Jalan Raja Chulan Jalan Kuala Kangsar/Manong
3.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	Jalan Taman Anggerik Jalan Taman Bunga Raya

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 1.14
Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Keselesaan Dan Keselamatan Jalan Negeri

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Responden	Aspek Keselesaan				Aspek Keselamatan			
			Ya	%	Tidak	%	Ya	%	Tidak	%
1.	JKR Kinta	178	114	64	64	36	109	61	69	39
2.	JKR Kuala Kangsar	163	110	67	53	33	107	66	56	34
3.	MPKK	155	129	83	26	17	126	81	29	19

Sumber: Jabatan Audit Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis selanjutnya seperti di **Carta 1.1**, menunjukkan 61% hingga 83% responden berpuas hati dengan aspek keselesaan dan keselamatan jalan raya yang disenggara oleh Agensi Pelaksana manakala 17% hingga 39% tidak berpuas hati. Secara amnya, hasil maklum balas soal selidik tersebut menunjukkan tahap kepuasan pengguna jalan raya yang diaudit adalah memuaskan berdasarkan bilangan pengguna yang berpuas hati lebih tinggi jika dibandingkan dengan tidak berpuas hati.

1.4.2.2. Rekod Kemalangan Jalan Raya

- a. Agensi Pelaksana memperolehi maklumat kadar kemalangan jalan raya daripada pejabat Polis Cawangan Trafik Daerah pada setiap bulan. Tujuannya adalah untuk mengambil tindakan yang perlu berdasarkan maklumat tersebut. Dengan cara itu, boleh membantu pihak Agensi Pelaksana menjalankan pemeriksaan dan rondaan serta mengenal pasti punca berlakunya kemalangan sama ada disebabkan kelemahan penyenggaraan jalan raya atau punca-punca yang lain. Statistik kemalangan jalan raya daripada pejabat Polis Cawangan Trafik Daerah bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 1.15**, **Carta 1.2** dan **Carta 1.3**.

Jadual 1.15

Statistik Kemalangan Jalan Raya Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Jalan	2010			2011			2012		
			Bilangan Orang								
			a	b	c	a	b	c	a	b	c
1.	JKR Kinta	18	45	4	52	39	0	44	10	39	TM
2.	JKR Kuala Kangsar	12	19	17	37	21	12	60	12	4	58
3.	MPKK	Tiada Maklumat									

Sumber: Agensi Pelaksana

TM: Tiada maklumat a - Kemalangan Maut b - Cedera Parah c - Cedera Ringan



Sumber: JKR Daerah Kinta



Sumber: JKR Daerah Kuala Kangsar

- b. Semakan Audit terhadap 18 jalan raya di Daerah Kinta dan 12 jalan raya di Daerah Kuala Kangsar yang disenggara oleh JKR mendapati adanya penurunan bilangan kemalangan maut. Pada tahun 2010 bagi Daerah Kinta, sebanyak 45 orang maut dalam kemalangan tetapi mula menurun kepada 39 orang pada tahun 2011 dan 10 orang pada tahun 2012. Manakala bagi Daerah Kuala Kangsar 19 orang maut dalam kemalangan pada tahun 2010 meningkat kepada 21 orang pada tahun 2011 dan kemudian menurun kepada 12 orang pada tahun 2012.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penyenggaraan jalan negeri sentiasa diurus dengan cekap dan selamat serta selesa kepada pengguna adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.5.1. Penyenggaraan secara berkala dan berterusan perlu dibuat oleh Agensi Pelaksana selepas kerja pembaikan dijalankan bagi memastikan kerosakan tidak berlaku dan dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak berulang.

1.5.2. Memastikan penyenggaraan jalan negeri dipantau oleh Agensi Pelaksana secara berterusan untuk mengelakkan kerja-kerja pengorekkan jalan oleh pihak lain tidak dibuat tanpa kelulusan termasuk memastikan jalan-jalan yang dikorek dibaiki semula dengan baik bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

2. PENGURUSAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN NEGERI PERAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Kerajaan Negeri Perak menubuhkan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) untuk memberi pendidikan agama secara teratur dan sempurna kepada pelajar-pelajar beragama Islam di negeri Perak. Bagi memenuhi tujuan tersebut, tiga SMAN telah ditubuhkan iaitu Sekolah Raja Izzuddin Shah, Sekolah Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah masing-masing pada tahun 1959, 1960 dan 2000. Sehingga tahun 2012, SMAN mempunyai seramai 1,746 pelajar dan 171 guru.

2.1.2. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri ditadbir oleh Kerajaan Negeri di bawah Bahagian Pendidikan Agama (BPA), Jabatan Agama Islam Negeri Perak (Jabatan). Struktur organisasi BPA terdiri daripada 4 seksyen iaitu Pentadbiran dan Kewangan, Pengurusan Sekolah, Akademik, Pentadbiran Pendidikan serta 1 Unit Naziran.

2.1.3. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan kepada SMAN bagi tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM3.39 juta manakala peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM44.18 juta. Sejumlah RM2.83 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan pembangunan dan RM43.59 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan mengurus.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan SMAN telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) bagi tahun 2010 hingga 2012. Semakan Audit dijalankan di Jabatan Agama Islam Negeri Perak (Jabatan) dan di 3 SMAN iaitu Sekolah Raja Izzuddin Shah (SIS), Sekolah Raja Perempuan Taayah (SERATA) dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa dan menganalisis maklumat berasaskan rekod kewangan, laporan serta dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan fizikal turut diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi pencapaian akademik ketiga-tiga Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) adalah pada tahap yang baik kerana berjaya mencapai Gred Purata Sekolah dan Gred Purata Mata Pelajaran di bawah aras 2 dan pencapaian tersebut perlu terus dikekalkan. Bagaimanapun, pengurusan SMAN adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pengurusan aset tidak memuaskan.
- Pengurusan kemudahan sekolah tidak disenggara dengan sempurna dan tidak dapat diguna sepenuhnya serta tahap kebersihan kurang memuaskan.
- Pengurusan Akaun Sumbangan Wang Awam (SUWA) adalah tidak memuaskan.
- Pemantauan yang kurang berkesan.

2.4.1. Prestasi Akademik

2.4.1.1. Kurikulum SMAN adalah gabungan 3 aliran iaitu Aliran Perdana, Aliran Azhariah dan Aliran Tahfiz Sains. Aliran Perdana menawarkan mata pelajaran bagi menduduki peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Aliran Azhariah adalah berlandaskan sukatan pengajian kitab yang dikeluarkan dan diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar, Mesir dan menjadi asas kepada peperiksaan agama peringkat negeri iaitu l'dadi dan Thanawi. Aliran Tahfiz Sains adalah untuk melahirkan pelajar sains yang mampu menghafaz Al-Quran di samping dapat mengaplikasikan konsep Al-Quran dalam bidang sains.

2.4.1.2. Pencapaian sesebuah sekolah adalah bergantung kepada pencapaian akademik yang dinilai melalui keputusan peperiksaan berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Gred Purata Sekolah adalah gred purata keseluruhan mata pelajaran yang diperolehi sesebuah sekolah manakala GPMP adalah gred yang diperolehi secara purata oleh sesebuah sekolah bagi mata pelajaran tertentu yang diambil oleh calon. Sesebuah sekolah dikira cemerlang apabila tahap pencapaian GPS berada di bawah aras 2. Analisis Audit terhadap keputusan peperiksaan PMR, SPM, STPM dan STAM bagi 3 SMAN adalah seperti berikut:

2.4.1.3. Analisis Peperiksaan Aliran Perdana

- a. Analisis Audit terhadap prestasi pencapaian peperiksaan Aliran Perdana iaitu PMR, SPM, STPM dan STAM mendapati secara keseluruhannya prestasi pencapaian adalah pada tahap yang baik. Bagi peperiksaan PMR, ketiga-tiga SMAN berupaya mengekalkan GPS bagi PMR di bawah aras 2 untuk tahun 2010 hingga 2012.

Manakala bagi peperiksaan SPM untuk SERATA dan SIS mencatatkan prestasi pencapaian GPS bagi SPM melebihi aras 2 dan SARJANA melebihi aras 3 untuk tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, kedudukan SERATA dan SIS masih antara 10 sekolah terbaik di negeri Perak bagi peperiksaan SPM untuk tahun 2010 hingga 2012. Prestasi pencapaian GPS bagi PMR dan SPM bagi tahun 2010 hingga 2012 seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

Prestasi Pencapaian GPS Untuk PMR Dan SPM Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Sekolah	PMR			SPM		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012
SERATA	1.26	1.28	1.28	2.24	2.57	2.37
SIS	1.44	1.39	1.61	2.32	2.30	2.42
SARJANA	1.29	1.25	1.37	3.34	3.02	3.28

Sumber: Rekod Sekolah

- b. Bagi peperiksaan STAM, secara keseluruhannya SERATA dan SARJANA menunjukkan prestasi pencapaian peratusan lulus yang baik bagi tahun 2010 hingga 2012 dan pencapaian terbaik adalah pada tahun 2012 iaitu masing-masing pada tahap 91.7% dan 100%. Analisis Audit selanjutnya terhadap prestasi peperiksaan STPM bagi tahun 2010 dan 2011 adalah baik berbanding tahun 2012. Secara keseluruhan prestasi peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga SMAN adalah baik.

2.4.1.4. Analisis Peperiksaan Aliran Azhariah

- a. Analisis Audit terhadap prestasi pencapaian peperiksaan Aliran Azhariah iaitu l'dadi dan Thanawi mendapati secara keseluruhannya prestasi adalah baik. Peratusan lulus peperiksaan l'dadi bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 99.2% hingga 100% manakala peratusan lulus peperiksaan Thanawi adalah antara 99.3% hingga 100%. Prestasi pencapaian peperiksaan l'dadi dan Thanawi bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Prestasi Pencapaian Peratusan Lulus Peperiksaan l'dadi Dan Thanawi Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Sekolah	Peratusan (%) Lulus Mengikut Tahun					
	l'dadi			Thanawi		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012
SERATA	100	100	100	100	100	99.3
SIS	100	100	100	94.4	100	99.0
SARJANA	100	99.2	100	100	100	100

Sumber: Rekod Sekolah

- b. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, SMAN telah berjaya menempatkan diri di dalam kumpulan 10 sekolah terbaik bagi Peperiksaan Awam di negeri Perak dan sedang mengorak langkah untuk menduduki tempat 5 sekolah terbaik. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah:**

- i. Mengadakan bengkel kecemerlangan sekolah-sekolah agama negeri Perak.
- ii. Memberikan geran penyelidikan kepada satu kumpulan penyelidik daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai kecemerlangan SMAN.
- iii. Usaha-usaha lain di peringkat sekolah adalah mengadakan kelas tambahan, kelas pemulihan, bengkel peperiksaan, kem akademik dan motivasi.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian akademik ketiga-tiga Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN) untuk Aliran Perdana, Aliran Azhariah dan Aliran Tahfiz Sains adalah pada tahap yang baik dan prestasi tersebut perlu terus dikekalkan.

2.4.2. Keperluan Guna Tenaga Pengajar Dan Kakitangan

Pengambilan guru dan kakitangan SMAN diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri manakala pengurusan amnya seperti penempatan guru dibuat oleh Bahagian Pendidikan Agama, Jabatan. Semakan Audit terhadap keperluan guna tenaga pengajar atau guru dan kakitangan di SMAN mendapati kelemahan seperti berikut:

2.4.2.1. Kajian Semula Perjawatan Tidak Dilaksanakan

- a. Mengikut rekod perjawatan di Bahagian Pendidikan Agama Jabatan, kedudukan perjawatan guru di 3 SMAN adalah seperti di **Jadual 2.3**. Semakan Audit mendapati struktur perjawatan sedia ada di SIS dan SERATA adalah struktur perjawatan yang dibuat semasa sekolah ditubuhkan masing-masing pada tahun 1959 dan 1960. Sejak mula ditubuhkan 53 tahun yang lalu tiada penstrukturan semula perjawatan dilaksanakan dan tiada bukti menunjukkan kajian terhadap keperluan semasa perjawatan di SIS dan SERATA pernah dijalankan. Manakala bagi SARJANA penstrukturan jawatan ada dilaksanakan pada tahun 2007.

Jadual 2.3
Kedudukan Perjawatan Guru Di 3 SMAN Sehingga Tahun 2012

Jenis Perjawatan Guru	Bilangan Guru		
	SIS	SERATA	SARJANA
Tetap (Lantikan Negeri)	24	26	32
Tetap (Lantikan Kementerian)	7	8	6
Sandaran	25	22	21
Jumlah	56	56	59

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 kajian terhadap keperluan sebanyak 143 perjawatan di SIS, SERATA dan SARJANA telah dilaksanakan melibatkan

penggredan semula, pewujudan jawatan baru, pemansuhan jawatan dan pengagihan semula jawatan. Sehingga bulan Julai 2013, tiada keputusan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang dibuat melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berhubung kertas cadangan tersebut. Ringkasan perjawatan yang dimohon seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Cadangan Penstrukturan Semula SMAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Perjawatan Yang Dimohon
1.	Pengetua, PPPS	DG52	3
2.	Penolong Kanan, PPPS	DG48	9
3.	Ketua Bidang, PPPS	DG44	12
4.	Guru Mata Pelajaran, PPPS	DG41	102
5.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2
6.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	2
7.	Juruteknik	J17	2
8.	Juruteknik Komputer	FT17	3
9.	Pembantu Makmal	C17	2
10.	Penyelenggara Stor	N17	3
11.	Pembantu Tadbir Kewangan	W17	3
Jumlah			143

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- c. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, penstrukturan jawatan di ketiga-tiga SMAN telah diambil kira pada tahun 2007 semasa penstrukturan semula Jabatan dibuat tetapi akibat daripada keadaan semasa pada masa itu, penstrukturan jawatan hanya diberikan untuk Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah sahaja manakala penstrukturan jawatan di 2 buah sekolah lagi tidak dilaksanakan. Pada tahun 2012, di dalam Mesyuarat Lembaga Tadbir Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Raja Perempuan Taayah (SISTA) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, arahan untuk penstrukturan jawatan di ketiga-tiga SMAN dibuat.**
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati pertambahan bilangan guru tetap di SERATA adalah tidak seimbang berbanding pertambahan bilangan pelajar yang meningkat sebanyak 129% sejak sekolah ditubuhkan hingga tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Peratus Pertambahan Bilangan Pelajar Berbanding Guru Tetap

Sekolah	Tahun Penubuhan	Bilangan Pelajar		(%) Pertambahan	Bilangan Guru		(%) Pertambahan
		Semasa Penubuhan	Tahun 2012		Semasa Penubuhan	Tahun 2012	
SIS	1959	300	502	67.3	17	31	82.3
SERATA	1960	300	687	129.0	18	34	88.9
SARJANA	2000	150	557	271.3	8	38	375.0

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- e. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, kertas kerja Penstrukturan Semula SMAN masih dalam peringkat perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Proses awal ke arah penstrukturan semula SMAN sudah mula dijalankan di mana Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengosongkan tempat beberapa jawatan di SMAN yang akan di *trade-off*. Selain itu, Jabatan juga telah mengenal pasti jawatan-jawatan di Jabatan yang akan di *trade-off* untuk mewujudkan jawatan baru SMAN. Jawatan yang akan di *trade-off* sebanyak 133 jawatan untuk mendapatkan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah gred DG41.
- f. Adalah didapati kelewatan membuat kajian semula perjawatan serta kekosongan perjawatan terutamanya jawatan guru yang tidak diisi menyebabkan Jabatan dan Sekolah terpaksa menampung kekosongan tersebut dengan melantik guru kontrak, guru sandaran, khidmat guru tetap daripada Kementerian dan penempatan pegawai daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (Majlis) dan Jabatan di sekolah bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 68 atau 66% guru sandaran diperlukan untuk memenuhi atau mengisi keperluan guru di ketiga-tiga SMAN seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Peratus Guru Sandaran Berbanding Guru Tetap Di Ketiga-tiga SMAN

Sekolah	Bilangan Guru		Jumlah Guru	Guru Sandaran Berbanding Guru Tetap (%)
	Tetap	Sandaran		
SIS	31	25	56	80.6
SERATA	34	22	56	64.7
SARJANA	38	21	59	55.3
Jumlah	103	68	171	66.0

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- g. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, bilangan guru yang tidak mencukupi telah cuba diatasi oleh Jabatan dengan mewujudkan jawatan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di SMAN di mana mereka ditempatkan untuk mengajar di SMAN dengan gaji dibayar menggunakan peruntukan Jabatan. Nisbah Guru GSTT di SIS, SERATA dan SARJANA adalah 7:5:6 serta jumlah keseluruhan Guru GSTT adalah 18 orang. Kajian perjawatan di SIS dan SERATA telah dilakukan sejak tahun 2007 tetapi tidak diluluskan manakala perjawatan di SARJANA telah diluluskan pada tahun 2007 tetapi pengisian perjawatan dilakukan secara berperingkat sehingga tahun 2013. Pihak JPA hanya meluluskan kenaikan gred jawatan guru dan tidak menambah jawatan bukan guru. Bagi meneruskan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran, pihak Jabatan dan sekolah telah melantik guru-guru sambilan dan kontrak.

2.4.2.2. Bilangan Guru Berbanding Pelajar Tidak Mengikut Nisbah

- a. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri melaksanakan 3 aliran iaitu Aliran Perdana, Aliran Azhariah dan Aliran Tahfiz Sains. Berdasarkan keperluan semasa guru dan kakitangan di SMAN serta mengikut formula perkiraan Kementerian Pelajaran Malaysia, setiap SMAN memerlukan 73 orang guru adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Perkiraan Keperluan Semasa Guru Di Setiap SMAN

Bil.	Aliran Pelajaran	Jumlah Keperluan Guru
1.	Aliran Perdana	44
2.	Aliran Azhariah	16
3.	Aliran Tahfiz Sains	13
Jumlah		73

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- b. Berdasarkan perkiraan, didapati bilangan guru berbanding pelajar adalah tidak mengikut nisbah yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Analisis selanjutnya mendapati berlaku kekurangan guru yang ketara antara 14 hingga 23 orang iaitu 19.2% hingga 31.5% di di ketiga-tiga SMAN dengan mengambil kira jumlah guru tetap Lantikan Negeri dan Kementerian serta guru sandaran seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Perkiraan Kekurangan Guru Di Setiap SMAN

Sekolah	Bilangan Guru		Jumlah Guru Sepatutnya	Jumlah Kekurangan Guru Berbanding Sepatutnya	(%) Kekurangan Guru
	Tetap (Lantikan Negeri Dan Kementerian)	Sandaran			
SIS	31	25	73	17	23.3
SERATA	34	22	73	17	23.3
SARJANA	38	21	73	14	19.2
Jumlah	103	68	219	48	21.9

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- c. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, bagi menyeimbangkan nisbah bilangan guru dengan pelajar, pihak sekolah telah mengurangkan bilangan waktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tertentu supaya dapat diselaraskan dengan mata pelajaran Aliran Azhariah dan Aliran Tahfiz Sains. Pihak Jabatan telah melantik guru-guru untuk mengajar Aliran Azhariah seramai 12 orang. Pengisian perjawatan untuk guru gred DG41 dan DGA29 telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri.**

2.4.2.3. Perjawatan Tetap Tidak Dibuat Pengisian

- a. Merujuk Waran Perjawatan Bil. 1 Tahun 2011, sebanyak 19 perjawatan telah diwujudkan Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi gred DG44 dan DGA32. Semakan

Audit mendapati kesemua jawatan KUP telah dibuat pengisian. Manakala bagi Waran Perjawatan Bil. N231 Tahun 2011, sebanyak 162 perjawatan telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia mengikut Perkara 112, Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa bulan September 2011 melibatkan 94 perjawatan akademik dan 69 perjawatan bukan akademik. Sehingga bulan Julai tahun 2013, sebanyak 10 perjawatan akademik dan 5 perjawatan bukan akademik yang telah diluluskan masih belum dibuat pengisian. Akibat daripada pengisian perjawatan yang tidak dibuat, pihak SMAN terpaksa bergantung kepada khidmat guru sandaran. Kedudukan perjawatan adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Kedudukan Perjawatan Mengikut Waran Bil. N231 Bagi Tahun 2011

Bil.	Kategori Perjawatan	SIS		SERATA		SARJANA		Jumlah	
		Lulus	Isi	Lulus	Isi	Lulus	Isi	Lulus	Isi
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG 48	2	2	-	-	1	1	3	3
2.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG44	-	-	1	1	3	3	4	4
3.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG41	16	14	21	19	37	31	74	64
4.	Penolong Pegawai Perkhidmatan Lepas Diploma DGA 29	8	8	5	5	-	-	13	13
5.	Pegawai/Kakitangan Bukan Akademik	28	27	25	25	15	11	68	63
Jumlah		54	54	52	50	56	46	162	147

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Perak

- b. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pengisian perjawatan untuk gred DG41 dan gred DGA29 telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri manakala bagi perjawatan untuk gred J17 dan gred N22 di SARJANA masih belum mendapat kelulusan pengisian daripada Pejabat Kewangan Negeri. Oleh itu, pengisian perjawatan akan dibuat pada akhir tahun 2013 mengikut Waran Perjawatan Bil.1 Tahun 2011 dan juga mengikut kelulusan Pejabat Kewangan Negeri seperti yang disyaratkan.**

2.4.2.4. Kekurangan Guru Al-Quran

- a.** Mulai tahun 2012, pelajar tingkatan satu yang diterima masuk ke SMAN diwajibkan mengikuti kelas tahfiz. Berdasarkan keperluan tersebut bilangan guru Al-Quran juga perlu bertambah selaras dengan dasar yang ditetapkan. Jumlah pelajar tahfiz bagi tahun 2012 seramai 900 orang dan jumlah ini akan terus meningkat. Untuk memastikan proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar nisbah pelajar bagi kelas tahfiz adalah 1 guru untuk 15 orang pelajar. Semakan Audit terhadap bilangan guru Al-Quran sedia ada berbanding pelajar bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Nisbah Guru Berbanding Pelajar

Sekolah	Bilangan Pelajar Tahfiz	Bilangan Guru Al-Quran	Bilangan Guru Tasmik		Jumlah Keseluruhan Guru	Nisbah Guru Berbanding Pelajar
			Lantikan Sekolah	Lantikan Jabatan		
SIS	300	3	18	2	23	1:13
SERATA	300	4	7	3	14	1:21
SARJANA	300	3	5	2	10	1:30
Jumlah	900	10	30	7	47	1:19

Sumber: Rekod Sekolah

- b. Seramai 10 orang guru Al-Quran lantikan Majlis telah ditugaskan untuk mengajar di ketiga-tiga SMAN dan bagi menampung kekurangan tersebut pihak sekolah telah melantik guru tasmik secara sambilan dan dibayar elaun menggunakan peruntukan akaun SUWA dan peruntukan Kerajaan Negeri. Guru tasmik sambilan terdiri daripada orang awam, guru tetap sedia ada yang berkemahiran dan guru sandaran tidak terlatih (GSTT). Analisis Audit mendapati nisbah guru Al-Quran dan guru tasmik berbanding pelajar di SIS dan SARJANA adalah seorang guru bagi 21 hingga 30 pelajar melebihi bilangan 15 pelajar. Pada tahun 2013, Jabatan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM981,037 bagi menempatkan seramai 24 orang guru Al-Quran iaitu 8 orang guru bagi sebuah SMAN. Sehingga bulan Julai 2013, perjawatan tersebut masih belum diisi di di ketiga-tiga SMAN.
- c. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, Jabatan telah memohon untuk melantik seramai 46 guru Al-Quran bagi mengajar Al-Quran di SMAN. Kelulusan bajet untuk menggaji 46 guru ini telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri pada awal tahun 2013. Pengisian perjawatan tidak dapat dibuat kerana kelulusan pewujudan perjawatan ini perlu dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (MMK). Jabatan telah menghantar kertas cadangan pewujudan serta pengisian perjawatan guru Al-Quran kepada pihak Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dibawa kepada MMK. Bagi menampung kekurangan guru Al-Quran, pihak SMAN telah melantik guru-guru tasmik yang berkemahiran dalam bidang Al-Quran di samping guru-guru kontrak lantikan Majlis dan Jabatan. Pihak Jabatan ada memohon pertambahan perjawatan guru Al-Quran seramai 46 orang untuk ditempatkan di SMAN dan Maahad Tahfiz tetapi pengisiannya diluluskan untuk tahun 2014.**

Pada pendapat Audit, kedudukan guna tenaga pengajar kurang memuaskan kerana bilangan pelajar dan guru adalah tidak mengikut nisbah yang ditetapkan KPM dan cadangan penstrukturan semula tahun 2011 masih belum dilaksanakan.

2.4.3. Pengurusan Kemudahan Sekolah

Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri disediakan dengan beberapa kemudahan untuk faedah pelajar seperti kemudahan sukan, makmal komputer, bengkel kemahiran hidup,

asrama dan masjid. Kemudahan ini perlulah disenggara bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Semakan Audit terhadap pengurusan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Kemudahan Sukan

Kemudahan sukan seperti padang, gelanggang, gimnasium, *astaka/pavilion* dan peralatan sukan adalah bagi memastikan aktiviti sukan dapat dilaksanakan dan menjamin keselamatan pelajar semasa aktiviti. Pemeriksaan Audit mendapati SMAN ada menyediakan kemudahan sukan namun terdapat beberapa kelemahan berikut:

a. Gelanggang Tenis Terbiar Tidak Digunakan

Sebanyak 4 gelanggang tenis dibina di SARJANA bagi kemudahan riadah pelajar. Pemeriksaan Audit mendapati hanya satu gelanggang yang masih boleh digunakan manakala 3 gelanggang lagi seperti di **Gambar 2.1** tidak boleh digunakan kerana permukaan gelanggang rosak dipenuhi pasir. Selain itu, didapati sebuah kolam bagi menternak ikan keli telah dibina tetapi usaha tersebut telah gagal seperti di **Gambar 2.2**. Pihak Audit dimaklumkan kos kolam ikan keli dibiayai sendiri oleh guru penasihat projek.

Gambar 2.1
Permukaan Gelanggang Tenis
Rosak Dipenuhi Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SARJANA
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.2
Kolam Menternak Ikan Keli
Terbiar Di Dalam Gelanggang Tenis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SARJANA
Tarikh: 13 Jun 2013

- b. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan membersihkan 3 gelanggang tenis yang rosak dipenuhi pasir telah diambil oleh pihak SARJANA dan kerja pembinaan sedang dijalankan untuk menjadikan gelanggang tenis tersebut kepada gelanggang futsal. Pihak sekolah juga telah merobohkan kolam ikan keli yang terbiar dan kawasan berkenaan akan dibaik pulih dengan menurap simen. Ini bergantung kepada kelulusan kewangan yang akan dimohon.**

2.4.3.2. Kemudahan Makmal Komputer

Kemudahan makmal komputer ada disediakan di 3 SMAN. Daripada 3 SMAN, hanya SARJANA yang mempunyai bangunan 2 tingkat makmal komputer yang dibina pada bulan Mei 2011 dengan kos RM236,000 dan telah siap sepenuhnya pada 16 Mei 2012. Makmal tersebut mula beroperasi pada bulan April 2013. Manakala SERATA dan SIS menempatkan makmal komputer di bangunan akademik. Pembelajaran komputer di SIS dan SARJANA dilaksanakan oleh Syarikat Intelek Komputer (Syarikat) dengan dikenakan yuran komputer pada kadar RM70 setahun kepada setiap pelajar. Modul pembelajaran yang diguna pakai adalah daripada Projek Perdana Intelek ICT anjuran Program Pendidikan Berterusan, Universiti Sains Malaysia. Antara isi kandungan modul yang diajar adalah pengenalan komputer dan *windows*, pengenalan *macromedia flash*, pengenalan *swish max*, pengenalan *adobe photoshop* serta asas teknikal komputer. Manakala pembelajaran komputer di SERATA dilaksanakan oleh guru tetap kerana mata pelajaran komputer dijadikan sebagai subjek teras dalam peperiksaan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Peralatan Di Makmal Komputer SARJANA Tidak Mencukupi

- i. Semakan Audit terhadap surat perjanjian kerjasama Projek Kelas Komputer mendapati Syarikat yang dilantik oleh pihak sekolah perlu menyediakan komputer yang mencukupi kepada para pelajar. Lawatan Audit ke SARJANA pada 18 Jun 2013 mendapati hanya di tingkat bawah bangunan makmal komputer seperti di **Gambar 2.3** yang telah digunakan oleh pihak sekolah dengan 13 komputer disediakan oleh pihak Syarikat. Bilangan komputer yang ada tidak mencukupi berbanding dengan bilangan pelajar. Pihak Audit dimaklumkan, bagi satu sesi pembelajaran komputer melibatkan seramai 30 pelajar di dalam kelas. Akibat kekurangan komputer, sebuah komputer terpaksa dikongsi oleh seramai 4 pelajar. Mengikut perjanjian yang ditandatangani antara pihak Syarikat dan pihak SARJANA pada 17 Mac 2002, Syarikat diberikan tempoh selama 5 tahun dan Syarikat dikehendaki menyerahkan komputer yang tidak melebihi 20 unit kepada pihak sekolah sekiranya kontrak dilanjutkan lagi selama 5 tahun selepas perjanjian tamat pada tahun 2007. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Syarikat tidak menyerahkan komputer yang dipersetujui mengikut perjanjian walaupun tempoh kontrak telah dilanjutkan sehingga 5 tahun lagi dan akan tamat pada tahun 2013.
- ii. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, peruntukan telah diperolehi oleh pihak sekolah dan pesanan juga telah dibuat untuk pembekalan komputer. Pada akhir bulan September 2013, makmal komputer berkenaan akan dilengkapi dengan 40 unit komputer.**
- iii. Manakala di tingkat atas bangunan makmal komputer seperti di **Gambar 2.4** tidak digunakan kerana ketiadaan komputer. Pada tahun 2011, pihak sekolah

ada membuat permohonan pembelian aset melalui Jabatan untuk makmal komputer namun permohonan tersebut telah ditolak.

Gambar 2.3
Bilik Komputer
Di Tingkat Bawah Makmal
Dilengkapi 13 Komputer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.4
Bilik Komputer
Di Tingkat Atas Makmal
Tiada Komputer Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

- iv. Lawatan Audit pada 18 Jun 2013, mendapati makmal komputer berkenaan telah dijadikan stor menyimpan peralatan komputer yang rosak seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pihak SARJANA telah mengambil tindakan memindahkan komputer-komputer yang rosak ke stor sekolah untuk dilupuskan.**

Gambar 2.5
Peralatan Komputer
Yang Rosak Di Tingkat Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.6
Peralatan Komputer
Yang Rosak Di Tingkat Atas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

b. Kelas Komputer Tidak Dilaksanakan

- i. Pemeriksaan Audit di SIS mendapati sehingga bulan Julai 2013, kelas komputer yang sepatutnya dikendalikan oleh pihak Syarikat masih belum dilaksanakan untuk sesi pembelajaran bagi tahun 2013. Pihak Audit dimaklumkan, kelas tidak

dapat dilaksanakan kerana jadual pelajar yang terlalu padat dengan aktiviti kokurikulum. Kelewatan melaksanakan kelas komputer boleh menyebabkan pelajar sukar memperolehi sijil kemahiran komputer sebelum tamat persekolahan pada hujung tahun sekiranya ada pelajar yang bertukar sekolah. Selain itu, pihak Audit mendapati komputer-komputer di makmal SIS seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8** telah lapuk dan usang (*outdated*). Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa pembelajaran komputer di SIS menggunakan komputer riba yang dibekalkan oleh pihak Syarikat manakala komputer yang ada di makmal adalah untuk pembelajaran teknikal dan perkara ini disahkan oleh pihak sekolah.

- ii. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pihak SIS menjelaskan bahawa kelas komputer tidak dapat dilaksanakan kerana jadual pembelajaran pelajar yang terlalu padat. Bagi semua pelajar tingkatan 1 dan 2 ke atas, kelas berakhir setiap hari pada jam 3.30 petang kerana semua pelajar diwajibkan mengambil peperiksaan l'dadi. Selepas itu, kelas persediaan pula akan disambung sehingga jam 4.30 petang sebelum bermula semula pada jam 7.00 petang hingga 8.00 malam bagi kelas hafazan dan kelas persediaan disambung kemudiannya sehingga jam 10.30 malam. Bagi pelajar tingkatan 3, kelas komputer tidak dilaksanakan kerana memberi tumpuan kepada kelas akademik untuk tujuan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Selain itu, pihak sekolah juga menghadapi masalah kerana makmal komputer yang ada tidak dapat menampung bilangan pelajar.**

Gambar 2.7
Peralatan Di Makmal Komputer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 2.8
Komputer Outdated Di Makmal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 19 Julai 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan makmal komputer tidak memuaskan kerana kelewatan pembekalan komputer di SARJANA menyebabkan makmal komputer tidak dapat digunakan sepenuhnya dan mengganggu proses pembelajaran kepada pelajar. Selain itu di SIS, pihak sekolah tidak menjadualkan kelas komputer menyebabkan kelas tidak dapat dilaksanakan walaupun perjanjian masih berkuat kuasa dengan pihak Syarikat.

2.4.3.3. Bengkel Kemahiran Hidup

Bengkel Kemahiran Hidup (BKH) disediakan khusus bagi pelajar melaksanakan latihan teori dan amali untuk mata pelajaran kemahiran hidup. Ada 6 jenis bengkel kemahiran hidup seperti bengkel kayu, paip/enjin, elektronik, jahitan, pengurusan diri dan masakan. Pemeriksaan Audit di bengkel kemahiran hidup mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Tangki Air Bocor Di Bengkel Kemahiran Hidup

- i. Pemeriksaan Audit pada 18 Jun 2013 di SARJANA mendapati BKH untuk kelas jahitan tersebut tidak dapat digunakan kerana tangki air bocor di atas siling pada bulan Mei 2013 seperti di **Gambar 2.9**. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, kebocoran tangki air masih belum dibaiki. Kebocoran tangki menyebabkan keseluruhan lantai bengkel menjadi kotor seperti di **Gambar 2.10** dan akibatnya peralatan menjahit terpaksa dipindahkan ke bilik lain. Pihak Audit dimaklumkan, pembaikan segera tidak dapat dilakukan kerana pihak sekolah tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Selain itu, ketiadaan pemeriksaan berkala terhadap kemudahan di sekolah juga menyebabkan kebocoran yang serius berlaku dan merosakkan peralatan bengkel.

Gambar 2.9
Tangki Air Di Atas Siling
Yang Bocor Di BKH Jahitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.10
Keadaan Lantai Yang Kotor
Di BKH Jahitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

- ii. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pihak SARJANA telah menerima peruntukan berjumlah RM25,000 daripada pihak Jabatan pada 29 Julai 2013. Bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan masih belum dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak Tengah. Bengkel Kemahiran Hidup tersebut akan dibersihkan apabila pihak JKR siap membaiki tangki air yang bocor dan siling yang rosak.**

2.4.3.4. Kemudahan Asrama

Pemeriksaan Audit mendapati kemudahan asrama disediakan di ketiga-tiga SMAN bagi 1,746 orang pelajar. Penyenggaraan pembersihan kawasan persekitaran, kaki lima asrama, lantai asrama, tandas serta kerja-kerja mengutip sampah dilaksanakan oleh Syarikat yang dilantik. Manakala kerja-kerja pembersihan di dalam bilik asrama perlu dilaksanakan oleh pelajar sendiri. Semakan Audit terhadap surat perjanjian perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan mendapati di ketiga-tiga SMAN ada menandatangani surat perjanjian. Semakan Audit selanjutnya di SIS berkenaan surat perjanjian tersebut mendapati Syarikat yang sama telah dilanjutkan perkhidmatan untuk tempoh 1 tahun lagi mulai Februari 2013 hingga Januari 2014 setelah menamatkan perjanjian yang lepas iaitu bagi tahun 2012 sehingga Februari 2013. Bagaimanapun sehingga selesai pengauditan, surat perjanjian tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan kemudahan asrama mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Penyenggaraan Asrama Oleh Pihak Sekolah Tidak Memuaskan

i. Kebersihan Bilik Asrama Tidak Memuaskan

Keadaan asrama perlu berada dalam keadaan bersih dan teratur. Ini bertujuan memberi keselesaan kepada pelajar sewaktu berehat. Selain itu, ia juga menunjukkan tahap disiplin pelajar dalam pengurusan diri. Pemeriksaan Audit mendapati tahap kebersihan dan kekemasan asrama SIS adalah tidak memuaskan seperti di **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12**. Ini menunjukkan pemantauan yang lemah oleh pihak sekolah terhadap pengurusan asrama dan pelajar. Keadaan asrama adalah tidak teratur, berselerak dan kotor boleh menjadi tempat pembiakan tikus dan nyamuk. Keadaan ini adalah berbeza di SARJANA dan SERATA, bilik asrama berada dalam keadaan bersih dan teratur seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pihak SIS telah mengambil tindakan membersihkan bilik-bilik asrama supaya kemas dan teratur.**

Gambar 2.11
Keadaan Bilik Asrama Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 2.12
Keadaan Bilik Asrama Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

Gambar 2.13
Keadaan Bilik Asrama Yang Kemas Dan Tersusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.14
Keadaan Bilik Asrama Yang Kemas Dan Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah, Ipoh
Tarikh: 25 Jun 2013

ii. Penyenggaraan Peralatan Asrama Tidak Memuaskan

Pemeriksaan Audit mendapati kemudahan asrama seperti katil tidak disenggara dengan memuaskan. Ada katil yang telah rosak masih ditempatkan di asrama dan digunakan oleh pelajar seperti di **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**. Ini boleh mengundang bahaya kepada pelajar. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan dan pengawasan oleh pihak sekolah terhadap kerosakan perabot dan peralatan di asrama. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, pihak SIS telah mengambil tindakan membaiki katil-katil yang rosak.**

Gambar 2.15
Besi Katil Yang Bengkok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 2.16
Besi Katil Rosak Dilapik Dengan Bata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

iii. Penyenggaraan Bangunan Asrama Tidak Memuaskan

Pemeriksaan Audit di SARJANA pada 12 dan 13 Jun 2013 serta di SIS pada 17 Julai 2013, mendapati bangunan asrama mengalami kebocoran yang serius kerana terdapat kesan yang dapat dilihat di bahagian tingkap, siling, lantai dan dinding seperti di **Gambar 2.17** hingga **Gambar 2.20**. Manakala pemeriksaan Audit di SIS pada 17 Julai 2013 mendapati ada tingkap bangunan asrama yang telah rosak dan hampir tercabut atau tertanggal tetapi tidak dibaiki seperti di **Gambar 2.21** dan **Gambar 2.22**. Kelewatan pihak sekolah untuk melakukan pembaikan boleh memberi risiko kepada keselamatan pelajar. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan pembersihan telah diambil oleh pihak sekolah berkenaan dan juga membaiki tingkap asrama yang rosak.**

Gambar 2.17
Kesan Kebocoran
Di Bahagian Tingkap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.18
Kesan Kebocoran
Terkena Bahagian Konduit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.19
Kesan Kebocoran
Di Bahagian Lantai Bangunan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.20
Kesan Kebocoran Tangki Air
Di Bangunan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh : 17 Julai 2013

Gambar 2.21
Tingkap Asrama Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

Gambar 2.22
Tingkap Asrama Yang Hampir Tercabut
Atau Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

iv. Penyenggaraan Kawasan Persekitaran Asrama Tidak Memuaskan

Pemeriksaan Audit di SARJANA dan SIS pada 13 Jun 2013 dan 25 Jun 2013 mendapati penyenggaraan kawasan persekitaran asrama juga adalah kurang memuaskan kerana terdapat jaring nyamuk, mesin basuh dan katil yang rosak seperti di **Gambar 2.23** hingga **Gambar 2.25** masih disimpan dan tidak dilupus. Selain itu, lebihan bahan binaan atau besi buruk diletakkan berdekatan kawasan asrama seperti di **Gambar 2.26**. Keadaan ini boleh menyebabkan kawasan berkenaan menjadi sarang binatang dan membahayakan keselamatan pelajar. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak sekolah bagi melupuskan peralatan yang tidak lagi digunakan.**

Gambar 2.23
Jaring Nyamuk Yang Rosak
Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.24
Katil Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.25
Mesin Basuh Rosak Dijadikan
Tempat Buang Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 2.26
Lebih Bahan Binaan Atau Besi Buruk
Berdekatan Kawasan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 26 Jun 2013

v. Kemudahan Tandas Di Asrama Tidak Memuaskan

Pemeriksaan Audit di SMAN mendapati kemudahan tandas di SARJANA dan SIS adalah tidak memuaskan. Terdapat tandas yang telah rosak di SARJANA seperti di **Gambar 2.27** tetapi masih belum dibaiki menyebabkan kemudahan tandas tidak mencukupi. Bagi mengatasi masalah ini pihak sekolah telah membina bangunan yang menempatkan kolam air di SARJANA dan bilik air tambahan di SIS seperti di **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.29**. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati pembinaan bilik air tambahan di SIS yang dibina pada tahun 2012 dengan kos berjumlah RM20,000 adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana lantai dan dinding bilik air tambahan tersebut tidak dipasang dengan jubin menyebabkan ia berlumut. Pihak Audit ada memohon untuk menyemak spesifikasi pembinaan bilik air tambahan tersebut, bagaimanapun sehingga selesai pengauditan dokumen berkenaan tidak dikemukakan. Selain itu, didapati 8 daripada 9 tandas yang dibina tidak mempunyai pintu seperti di **Gambar 2.30**. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11**

September 2013, tindakan membaiki tandas yang rosak di SARJANA telah diambil manakala di SIS pihak sekolah bercadang untuk menaik taraf bilik air tambahan berkenaan supaya boleh terus digunakan oleh para pelajar.

Gambar 2.27
Kerosakan Di Tandas
Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.28
Bilik Air Tambahan Untuk
Kolam Air Mandi Pelajar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.29
Bilik Air Tambahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

Gambar 2.30
Keadaan Tandas Tanpa Pintu,
Tidak Berjubin Dan Berlumut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

vi. Kemudahan Bilik Mencuci Pakaian

Kemudahan bilik mencuci pakaian ada disediakan di SMAN. Lawatan Audit mendapati ada bilik mencuci di SIS berada dalam keadaan yang tidak terurus. Pintu kabinet telah reput dan rosak serta tidak disenggara seperti di **Gambar 2.31** dan **Gambar 2.32**. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013**, tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SIS dengan membuat pembersihan dan pembaikan terhadap pintu kabinet yang rosak di bilik mencuci pakaian.

Gambar 2.31
Pintu Kabinet Di Bilik Mencuci
Yang Reput Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 2.32
Pintu Kabinet Di Bilik Mencuci
Yang Reput Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

2.4.3.5. Keadaan Di Bangunan Akademik Tidak Memuaskan

Bangunan akademik meliputi pelbagai komponen seperti kelas, tandas, stor, bilik elektrik dan perpustakaan. Pemeriksaan Audit di SARJANA pada 18 Jun 2013 mendapati ada bilik elektrik yang tidak disenggara dengan memuaskan dijadikan tempat solat oleh pelajar seperti di **Gambar 2.33**. Keadaan ini membahayakan keselamatan pelajar sekiranya berlaku litar pintas atau kebakaran. Selain itu, di SARJANA bilik elektrik telah dijadikan tempat simpanan barang oleh pihak sekolah seperti di **Gambar 2.34**. Bilik elektrik sepatutnya menjadi kawasan larangan pelajar dan tidak ditempatkan sebarang peralatan. Namun, terdapat juga bilik lain dan kawasan persekitaran bangunan akademik yang tidak disenggara dengan memuaskan seperti di **Gambar 2.35** dan **Gambar 2.36**. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SARJANA dengan membersihkan, mencuci dan mengemas bilik elektrik serta tempat berkenaan.**

Gambar 2.33
Bilik Elektrik Dijadikan Tempat Solat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.34
Bilik Elektrik Dijadikan Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.35
Bilik Stor
Yang Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
 Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.36
Bahagian Bawah Tangga Dijadikan
Tempat Menyimpan Perabot



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
 Tarikh: 18 Jun 2013

2.4.3.6. Kemudahan Masjid Al-Munzirin Di SARJANA

Masjid ada disediakan di SMAN bagi memberi kemudahan kepada pelajar dan kakitangan sekolah untuk beribadat. Lawatan Audit ke SMAN pada 13 Jun 2013 mendapati perkara seperti berikut:

a. Mendapan Tanah Tapak Masjid

Masjid Al-Munzirin di SARJANA dibina pada tahun 2004 dengan kos RM1.70 juta. Selain digunakan untuk beribadat, masjid ini juga digunakan oleh pelajar tahfiz untuk sesi pembelajaran hafazan. Masjid ini juga dibuka kepada orang awam untuk solat dan aktiviti keagamaan. Pihak Audit dimaklumkan, pada tahun 2011 bahagian lantai anjung dan tepi dinding luar masjid telah rosak akibat mendapan tanah tapak masjid. Mendapan yang berlaku menyebabkan lantai anjung tenggelam dan meninggalkan kesan rekahan. Pemeriksaan Audit mendapati mendapan tersebut telah dibaiki oleh pihak JKR Perak Tengah pada tahun 2012 dengan kos RM17,000 seperti di **Gambar 2.37** dan **Gambar 2.38**. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit pada 13 Jun 2013 mendapati lantai anjung telah dibaiki tetapi masih ada kesan mendapan yang boleh dilihat kerana permukaan lantai anjung tidak rata.

Gambar 2.37
Permukaan Lantai Anjung
Yang Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.38
Bahagian Anjung
Yang Telah Dibaiki Pihak JKR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

b. Kebocoran Bumbung Masjid

Pemeriksaan Audit pada 13 Jun 2013 di SARJANA mendapati ada kebocoran di bahagian bumbung masjid menyebabkan bahagian siling masjid mengalami kerosakan seperti di **Gambar 2.39** dan **Gambar 2.40**. Kerosakan yang tidak dibaiki segera boleh menyebabkan kerosakan yang lebih serius dan kos yang lebih tinggi diperlukan bagi pembaikan pada masa hadapan. Pada bulan April 2013, semakan Audit mendapati pihak sekolah ada membuat pembaikan kecil menggunakan peruntukan daripada akaun Sumber Wang Awam (SUWA) dan kutipan tabung masjid sejumlah RM9,870. Berdasarkan temu bual dengan pihak sekolah, kerosakan telah dimaklumkan kepada pihak JKR Perak Tengah tetapi kerja-kerja pembaikan memerlukan perbelanjaan yang dianggarkan melebihi RM100,000.

Gambar 2.39
Kebocoran Di Bahagian
Siling Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.40
Siling Rosak Kesan
Daripada Kebocoran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

- c. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, peruntukan berjumlah RM100,000 telah disalurkan kepada Bahagian Bangunan, JKR Perak Tengah pada 29 Julai 2013 untuk melakukan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan di masjid Al-Munzirin di SARJANA.

2.4.3.7. Kemudahan Kuarters Guru Dan Kakitangan Sekolah

Kemudahan kuarters ada disediakan untuk guru dan kakitangan sekolah di SMAN. Kedudukan kuarters sehingga bulan Julai 2013 adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11

Kemudahan Kuarters Guru Dan Kakitangan Di SIS, SERATA Dan SARJANA

Sekolah	Kemudahan Kuarters	Kelas	Bilangan		
			Unit	Berpenghuni	Kosong
SIS	Pengetua Guru	D	1	0	1
		F	6	6	0
SERATA	Pengetua Guru Penyelia Asrama Pekerja	C	1	1	0
		D	2	2	0
		G	1	1	0
		I	6	3	3
SARJANA	Pengetua Guru Guru Penolong Kanan	D	1	1	0
		G	16	11	5
		F	8	4	4
		E	2	2	0

Sumber: Rekod Sekolah

a. Tahap Kebersihan Kuarters Di SARJANA Kurang Memuaskan

- i. Mengikut perjanjian kontrak perkhidmatan mencuci kawasan dan bunga di SARJANA, pihak kontraktor dikehendaki mengutip sampah setiap hari dan membersihkan kawasan kompleks rumah guru dan rumah pengetua sebulan sekali. Pemeriksaan Audit mendapati tahap kebersihan di persekitaran kuarters SARJANA adalah tidak memuaskan kerana bahagian tingkat bawah kuarters dipenuhi longgokan sampah dan barang terbuang adalah seperti di **Gambar 2.41** dan **Gambar 2.42**. Ini adalah membahayakan keselamatan semua pihak dan boleh menjadi sarang kepada binatang merbahaya. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa kawasan sekolah sering dicerobohi oleh binatang seperti monyet, biawak dan ular.

Gambar 2.41
Bahagian Tingkat Bawah Kuarters
Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.42
Stor Dipenuhi
Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

- ii. Pemeriksaan Audit di bilik pam tangki air di bahagian tingkat bawah kuarters mendapati ia dipenuhi sampah seperti di **Gambar 2.43** dan **Gambar 2.44**. Bilik pam ini sepatutnya dikunci dan sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Gambar 2.43
Bilik Pam Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.44
Bilik Pam Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

- iii. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan pembersihan di kuarters telah diambil oleh pihak SARJANA.**

b. Kuarters Kosong Di SARJANA Tidak Dibersihkan

- i. Pemeriksaan Audit terhadap kuarters kosong di SARJANA mendapati keadaan di dalam kuarters tidak terurus adalah seperti di **Gambar 2.45** dan **Gambar 2.46** di mana penghuni telah berpindah meninggalkan barang yang tidak diperlukan dalam keadaan berselerak. Terdapat juga bumbung kuarters yang ditumbuhi pokok liar seperti di **Gambar 2.47** dan **Gambar 2.48** serta pintu kuarters yang telah reput seperti di **Gambar 2.49**.

Gambar 2.45
Barang Yang Ditinggalkan
Oleh Penghuni Berpindah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.46
Keadaan Kuarters
Yang Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.47
Bumbung Kuarters
Ditumbuhi Pokok Liar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

Gambar 2.48
Akar Pokok Liar
Yang Menjalar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013



Gambar 2.49
Pintu Kuarters Telah Reput

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 18 Jun 2013

- ii. Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan pembersihan telah diambil oleh pihak SARJANA terhadap kuarters yang kosong dan sebut harga telah dikeluarkan bagi membersihkan bumbung kuarters di kawasan yang ditumbuhi pokok liar.

2.4.4. Peralatan Keselamatan

Pemeriksaan Audit di SIS dan SARJANA terhadap ciri-ciri keselamatan yang terdapat di asrama mendapati walaupun alat pemadam api ada disediakan tetapi ia telah luput tarikh, tiada pemeriksaan bomba dilaksanakan dan ada antaranya telah berkarat. Keadaan alat pemadam api adalah seperti di **Gambar 2.50** hingga **Gambar 2.52**. Selain itu, ada *fire hose reel* di asrama, kuarters dan dewan makan tidak mempunyai kunci seperti di **Gambar 2.53**. Ini membahayakan keselamatan pelajar dan kakitangan sekiranya berlaku kebakaran. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SARJANA iaitu mengumpulkan alat-alat pemadam api yang luput tarikh untuk disenggara oleh syarikat yang dilantik pihak sekolah dan untuk diserahkan kepada pihak bomba bagi tujuan pengesahan. Selain itu, kotak *fire hose reel* juga telah dipasang dengan kunci.**

Gambar 2.50
Alat Pemadam Api Luput Tarikh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.51
Alat Pemadam Api Luput Tarikh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 2.52
Alat Pemadam Api Terbiar Dan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

Gambar 2.53
Fire Hose Reel Tidak Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah, Kg. Gajah
Tarikh: 13 Jun 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan sekolah, tahap kebersihan terutama di asrama pelajar, kuarters dan kawasan persekitaran sekolah serta ciri-ciri keselamatan sekolah adalah lemah kerana kurang pemantauan dan tiada penyenggaraan berjadual dilaksanakan.

2.4.5. Pengurusan Aset

Pengurusan terhadap aset milik kerajaan adalah penting bagi memastikan aset digunakan, direkod dan dikawal dengan sempurna serta mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan). Antara aset yang terdapat di SMAN adalah seperti perabot, bas, jentera mesin rumput, peralatan dapur dan alat pemadam api. Semakan Audit terhadap pengurusan aset di SMAN mendapati perkara seperti berikut:

2.4.5.1. Daftar Harta Modal Dan Inventori Tidak Lengkap

- a. Daftar aset iaitu daftar harta modal dan inventori hendaklah diselenggarakan dengan sempurna bagi merekod aset seperti peralatan pejabat, perabot dan sebagainya. Butiran seperti nombor pendaftaran, lokasi, maklumat pembelian, pembaikan, pemeriksaan dan pelupusan perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Semua maklumat berkaitan hendaklah direkod dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Selain itu, rekod seperti Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4), Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) dan Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) juga perlu diselenggarakan. Semakan Audit di SMAN mendapati SIS dan SARJANA ada menyediakan daftar aset namun tidak lengkap dan kemas kini berbanding SERATA. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12

Penyelenggaraan Daftar Harta Modal Dan Inventori

Bil.	Sekolah	Daftar Harta Modal Dan Inventori		
		Ada	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	SERATA	/	/	-
2.	SIS	/	-	/
3.	SARJANA	/	-	/

Sumber: Daftar Harta Modal Dan Inventori SMAN

- b. Perkara ini berlaku kerana Pembantu Tadbir di SIS bercuti sakit sejak tahun 2012 dan tiada kakitangan lain yang ditugaskan menyelenggara rekod aset. Manakala di SARJANA pula Pembantu Tadbir yang menyelenggara rekod aset kurang mahir dan tidak mendapat latihan sepatutnya. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, tindakan mengemas kini rekod aset telah diambil oleh pihak sekolah berkenaan.**

2.4.5.2. Pelupusan Aset Tidak Dilaksanakan

- a. Pemeriksaan Audit mendapati aset seperti kerusi, peralatan dapur, jentera mesin rumput, besi buruk dan alat pemadam api yang rosak dan usang masih disimpan di kawasan sekolah dan tidak diambil tindakan pelupusan. Pemeriksaan Audit di SIS pada 17 Julai 2013, mendapati sebuah bas yang berusia melebihi 20 tahun tidak lagi ekonomik untuk diguna masih belum dilupuskan. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh bas tersebut tidak digunakan dan disimpan di kawasan sekolah. Pihak Audit dimaklumkan bas tersebut hanya digunakan bagi perjalanan jarak dekat dan tidak sesuai untuk perjalanan jauh. Selain itu, pihak Jabatan mendapati

tidak membuat pemeriksaan dan pemantauan ke SMAN bagi mengenal pasti aset yang perlu dilupuskan. **Gambar 2.54** hingga **Gambar 2.58** menunjukkan keadaan aset yang perlu dilupus.

Gambar 2.54
Kerusi Rosak
Disimpan Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 2.55
Peralatan Dapur Rosak
Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 2.56
Jentera Mesin Rumput
Rosak Di Garaj



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 18 Julai 2013

Gambar 2.57
Besi Buruk
Di Tepi Bilik Darjah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 18 Julai 2013



Gambar 2.58
Bas Lama Yang Tidak Dilupus

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh
Tarikh: 17 Julai 2013

- b. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, kerusi dan peralatan dapur yang telah rosak di dalam stor hanya dikemaskan sahaja kerana pihak SIS telah berhubung dengan pegawai pelupusan di Jabatan bagi urusan pelupusan yang akan dilaksanakan kelak. Mesin traktor atau jentera mesin rumput hanya perlu diganti bateri serta pembaikan untuk membolehkan ia beroperasi semula. Bas lama akan disyorkan untuk dilupus dan diganti pada tahun kewangan 2014. Khidmat nasihat pihak JKR Bahagian Mekanikal diperlukan dalam pelupusan bas ini.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah lemah kerana pengurusan rekod tidak kemas kini kerana ditugaskan kepada kakitangan kurang mahir yang tidak diberi pendedahan kepada kursus aset. Selain itu, tindakan pelupusan tidak diambil terhadap aset yang telah rosak, terbiar dan usang.

2.4.6. Pengurusan Kewangan Sekolah

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) Tahun 2004, perenggan 14(1) menjelaskan perkara mengenai tanggungjawab Lembaga Pentadbir SISTA (Lembaga) berhubung penyelenggaraan akaun dan rekod berkaitan serta penyediaan penyata akaun. Perenggan 17 pula menjelaskan bahawa Lembaga turut mengguna pakai semua peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan sekolah mendapati perkara berikut:

- Penyata Kewangan Tahunan tidak disediakan.
- Garis panduan Akaun Sumbangan Wang Awam (SUWA) tidak disediakan.
- Buku Tunai SUWA tidak disedia dengan lengkap dan penyata penyesuaian juga tidak disediakan.
- Daftar Pinjaman tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan sekolah di SMAN terutama pengurusan akaun SUWA adalah tidak memuaskan kerana berlaku ketidakpatuhan peraturan kewangan Kerajaan serta penyelenggaraan rekod yang tidak lengkap dan sempurna.

2.4.7. Pemantauan

Pemantauan adalah penting bagi memastikan perjalanan dan pengurusan SMAN sentiasa mengikut peraturan serta mencapai objektif penubuhannya. Pemantauan terhadap SMAN dilaksanakan oleh Lembaga Pentadbir SISTA (Lembaga), Bahagian Pendidikan Agama, Unit Naziran Jabatan dan pihak pengurusan sekolah sendiri. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.4.7.1. Mesyuarat Lembaga Pentadbir SISTA

Mengikut Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Tahun 1996, satu jemaah atau Jawatankuasa Pengurusan yang dikenali sebagai Lembaga dipertanggungjawabkan untuk memantau pengurusan SMAN. Lembaga ini terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 5 ahli biasa. Ia dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri manakala Pengetua SMAN bertindak sebagai Setiausaha Bersama. Lembaga dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Sepanjang tahun 2010 hingga 2012 hanya 6 kali mesyuarat yang telah diadakan. Mesyuarat membincangkan perihal isu-isu semasa sekolah termasuklah isu penyenggaraan di SMAN, perihal perjawatan, laporan pengetua sekolah merangkumi pencapaian kurikulum dan kokurikulum, pengurusan kewangan sekolah dan hal-hal lain. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, oleh kerana pertambahan sekolah di bawah Kerajaan Negeri Perak sebanyak 5 Sekolah Tahfiz, maka Mesyuarat Lembaga Tadbir telah memutuskan supaya dibuat perubahan jawatankuasa. Draf senarai jawatankuasa baru dan fungsi setiap unit telah disediakan dan dalam proses semakan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri.**

2.4.7.2. Lawatan Penyeliaan Dan Pemeriksaan Unit Naziran Jabatan

Mengikut Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Tahun 1996, Unit Naziran Jabatan berperanan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas sekolah dari semasa ke semasa dalam semua aspek termasuk kurikulum pendidikan, pengajaran atau latihan. Selain itu, unit ini juga berperanan menentukan sama ada kehendak enakmen, kaedah dan arahan serta garis panduan daripada Majlis dipatuhi. Unit ini juga dikehendaki memeriksa dan memastikan segala penerimaan wang dan perbelanjaan diakaunkan dengan sempurna. Unit ini dianggotai oleh seramai 8 kakitangan yang diketuai oleh seorang pegawai berjawatan gred DG44. Sehingga bulan Julai 2013, terdapat 6 kekosongan jawatan yang masih tidak diisi melibatkan gred DG41, DG27 dan N17. Selain itu, didapati Unit Naziran tidak berfungsi dengan berkesan kerana tidak ada jadual lawatan dan tiada bukti pemantauan pernah dilakukan. Juga, kakitangannya tidak mempunyai senarai tugas yang lengkap. Kesannya, ketiga-tiga SMAN didapati tidak pernah menyedia dan mengemukakan penyata kewangan tahunan dan ada antara SMAN yang tidak menyelenggara buku tunai dengan sempurna. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, perjawatan di Unit Naziran telah diisi pada tahun 2013 yang diketuai oleh seorang pegawai gred DG44 dan masih menunggu penstrukturan semula dijalankan. Empat jawatan gred DG41 di bawah Unit Naziran telah dibuat penempatan secara pentadbiran di sekolah-sekolah. Ini adalah kerana sekolah amat memerlukan guru. Unit Naziran di Bahagian Pendidikan Agama Jabatan terpaksa memantau sebanyak 836 buah sekolah, seramai 5,107 orang guru dan 106,005 orang pelajar.**

2.4.7.3. Mesyuarat Pengurusan Sekolah

Di peringkat sekolah, ketiga-tiga SMAN mengadakan mesyuarat pengurusan sekolah pada setiap bulan. Mesyuarat ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara berbangkit berhubung pengurusan akademik, hal ehwal pelajar, pengurusan asrama dan hal-hal lain yang berkaitan. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengetua Sekolah dan anggota lain yang terlibat adalah Penolong Kanan Pentadbiran dan Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Warden, Penyelia Asrama dan juga kakitangan pentadbiran dan kewangan. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 30 kali mesyuarat telah diadakan. Selain itu, agenda utama yang dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan sekolah adalah perkara berkaitan akademik dan kebajikan pelajar.

Mengikut maklum balas daripada Jabatan bertarikh 11 September 2013, Mesyuarat Pengurusan Sekolah diadakan di peringkat masing-masing SIS, SERATA dan SARJANA.

Pada pendapat Audit, tahap pemantauan adalah lemah kerana Unit Naziran di Bahagian Pendidikan Agama Jabatan yang tidak berfungsi dengan berkesan menyebabkan berlaku kelemahan terhadap pengurusan akaun SUWA.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan pihak SMAN perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, Jabatan dan pihak SMAN adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Menyediakan *Standard Operating Procedure* untuk memantapkan pengurusan kewangan SMAN terutama Akaun Sumber Wang Awam.

2.5.2. Memberi latihan berkaitan pengurusan kewangan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran SMAN secara berkala.

2.5.3. Memastikan Unit Naziran, Bahagian Pendidikan Agama Jabatan serta pihak pengurusan sekolah memainkan peranan dengan lebih berkesan dan menjalankan pemantauan terhadap SMAN.

2.5.4. Memastikan kemudahan sekolah dan aset sentiasa dijaga dengan baik, bersih dan selamat untuk digunakan serta disenggara dan dibaiki dengan sempurna.

2.5.5. Memastikan Penyelia Asrama dan Warden Asrama bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan lebih baik supaya pengurusan diri dan tahap disiplin pelajar terhadap kebersihan asrama dapat dipertingkatkan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

3. PERAK HI-TECH PARK SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd. (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan pegangan 100% ekuiti. Syarikat dahulunya dikenali sebagai Silver Active Management Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 24 Jun 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. Tujuan penubuhan adalah untuk memajukan industri tempatan dan global melalui transformasi dan inovasi di sektor perkilangan, perdagangan dan perkhidmatan. Silver Active Management Sdn. Bhd. telah ditukar nama ke Perak Hi-Tech Sdn. Bhd. pada 9 April 2007. Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan pembangunan Taman Teknologi Tinggi (*High Technology Park*) merangkumi pembangunan kawasan perindustrian berteknologi tinggi, institusi kerajaan, perumahan dan hartanah seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak ke arah negeri maju pada tahun 2015. Sehingga 31 Disember 2012, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM500,000 dan modal saham berbayar RM160,002.

3.1.2. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP adalah merupakan Pengerusi kepada Syarikat ini. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 4 orang dan Syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti harian Syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan Syarikat ke Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh seorang Pengurus Kewangan dan Penolong Pengurus Kewangan serta 2 orang Pengurus Besar Bahagian Pembangunan iaitu Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan dan Pengurus Besar Renewable Energy.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat dengan tumpuan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend dilakukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat serta lawatan ke tapak projek yang dipilih.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat adalah memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2011 keuntungan terkumpul Syarikat adalah sejumlah RM0.45 juta berbanding kerugian terkumpul RM0.66 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti utama Syarikat yang meliputi aktiviti pembangunan infrastruktur asas adalah tidak memuaskan kerana projek yang dilaksanakan tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Tadbir Urus Korporat Syarikat secara keseluruhan adalah tidak memuaskan kerana polisi dan peraturan kewangan dan perakaunan Syarikat tidak disediakan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembinaan tidak dapat disiapkan mengikut jadual.
- Syarikat tidak mempunyai terma rujukan berkaitan peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah dan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut kekerapan bermesyuarat bagi membincangkan hal-hal berkaitan perjalanan aktiviti Syarikat.
- Unit Audit Dalam PKNP tidak menjalankan pengauditan di Syarikat.
- Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi tidak disediakan.
- *Standard Operating Procedure*, Polisi dan Peraturan Kewangan serta Perakaunan tidak disediakan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati Syarikat memperoleh keuntungan bersih RM0.05 juta pada tahun 2009 dan kerugian bersih RM0.16 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2011 adalah baik kerana berjaya mendapat untung bersih sejumlah RM1.11 juta. Pada tahun 2011, Syarikat memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM0.45 juta berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM0.50 juta dan RM0.66 juta.
- b. Pendapatan utama Syarikat adalah daripada penjualan tanah, manakala pendapatan lain daripada terimaan khidmat pengurusan yang diterima daripada Syarikat Induk iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sebagai suntikan modal untuk menjalankan operasi dan pentadbiran Syarikat. Jumlah pendapatan Syarikat pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM0.14 juta iaitu 46.7% kepada sejumlah RM0.44 juta daripada RM0.30 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2011, jumlah pendapatannya meningkat sejumlah RM1.55 juta iaitu 352.3% daripada RM0.44 juta pada tahun 2010 kepada RM1.99 juta. Peningkatan pendapatan yang ketara bagi tahun 2010 dan 2011 disebabkan oleh penjualan tanah laterit.

- c. Jumlah perbelanjaan Syarikat pada tahun 2009, 2010 dan 2011 masing-masing sejumlah RM0.33 juta, RM0.65 juta dan RM0.70 juta iaitu peningkatan selari dengan pendapatan. Pada tahun 2009 hingga 2010 perbelanjaan meningkat disebabkan oleh pembayaran gaji, elaun dan elaun perjalanan, caruman kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) dan bayaran perubatan untuk Pengurus Besar Renewable Energy yang telah dilantik oleh Syarikat pada 1 Mei 2010. Selain itu, Syarikat juga menanggung bayaran penyediaan “Shareholders Agreement” untuk cadangan usahasama dengan The Red Solar (M) Sdn. Bhd. dalam penyelidikan dan pembangunan industri solar dan Twin Creeks Malaysia Sdn. Bhd. dalam pelaburan.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1


Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/(Kerugian) Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	0.30	0.44	1.99
Perbelanjaan Operasi	-	-	-
Untung Kasar	0.30	0.44	1.99
Pendapatan Lain	0.08	0.05	0.19
Jumlah Pendapatan	0.38	0.49	2.18
Perbelanjaan Pentadbiran	-0.33	-0.65	-0.70
Untung/(Rugi) Operasi	0.05	-0.16	1.48
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Cukai	0.05	-0.16	1.48
Cukai	-	-	0.37
Untung/(Rugi) Bersih	0.05	-0.16	1.11
Untung/(Rugi) Terkumpul	-0.50	-0.66	0.45

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.29:1	0.40:1	0.70:1
Margin Untung/(Rugi) Bersih (%)	13	-36	59
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	1.25:1	-0.94:1	0.25:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.31:1	-1.00:1	6.94:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan Syarikat iaitu sejauh mana Syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 0.29:1 pada tahun 2009, 0.40:1 pada tahun 2010 dan meningkat kepada 0.70:1 pada tahun 2011. Berdasarkan nisbah ini Syarikat tidak mempunyai kecairan tunai yang mencukupi untuk menampung tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan bagi tahun 2009, Syarikat telah memperoleh keuntungan sebanyak 13% bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Pada tahun 2010 Syarikat mengalami kerugian sebanyak 36% bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Manakala pada tahun 2011 Syarikat memperoleh keuntungan sebanyak 59% bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Ini menunjukkan Syarikat mula menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan keuntungan mulai tahun 2011.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang

diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Syarikat adalah 1.25:1 pada tahun 2009, negatif 0.94:1 pada tahun 2010 dan 0.25:1 pada tahun 2011. Ini menunjukkan Syarikat belum berupaya menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah 0.31:1 pada tahun 2009, negatif 1.00:1 pada tahun 2010 dan 6.94:1 pada tahun 2011. Ini menunjukkan Syarikat mula menunjukkan kemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham berasaskan prestasi pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah memuaskan kerana Syarikat berupaya menambah keuntungan Syarikat pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2009 dan 2010. Keuntungan terkumpul Syarikat sehingga 31 Disember 2011 meningkat berjumlah RM0.45 juta berbanding modal berbayar Syarikat berjumlah RM0.16 juta.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan Syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama Syarikat adalah untuk membangunkan kawasan Taman Teknologi Tinggi Perak (*Perak Hi-Tech Park*) di Bandar Meru Raya dan Khantan, Chemor dengan menjadikan pembangunan *Kulim Hi-Tech Park* sebagai penanda aras. Taman Teknologi Tinggi Perak (TTTP) adalah satu daripada komponen pembangunan di bawah strategi Kerajaan Negeri Perak ke arah menjadi negeri maju tahun 2015 melalui kepelbagaian kegiatan ekonomi negeri berasaskan teknologi dan pengetahuan. Oleh itu, infrastruktur utama iaitu jalan perlu dibina terlebih dahulu sebelum kemudahan-kemudahan lain dapat dibangunkan. Setakat ini Projek Jalan Protokol telah dapat disiapkan sementara satu lagi Projek Jalan Masuk Utama di Chemor masih dalam pembinaan. Komponen pembangunan yang dirancang adalah seperti berikut:

3.4.2.1. Merekabentuk, Membina Dan Menyiapkan Jalan Protokol, Sistem Perparitan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Menyambungkan Lebuhraya Utara-Selatan Dengan Projek Perak High-Tech Park Di Bandar Meru Raya.

Projek ini telah diberikan kepada Syarikat FN Communication Sdn. Bhd. (FNCSB) melalui pemilihan secara tender terbuka. FN Communication Sdn. Bhd. seterusnya telah melantik

Jurutera Perunding bagi menyelia kerja sivil dan struktur serta kerja mekanikal dan elektrik. Semakan Audit terhadap projek ini seterusnya mendapati perkara seperti berikut:

a. Prestasi Kewangan

Projek ini dibiayai melalui Geran Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada PKNP dengan kos asal RM13.88 juta. Sebelum projek dilaksanakan, terdapat satu Arahan Perubahan Kerja melibatkan tambahan kos sejumlah RM0.65 juta (4.7%) iaitu pembinaan jambatan telah digantikan dengan pembinaan jalan baru yang diluluskan oleh PKNP. Ini menjadikan kos kontrak meningkat kepada sejumlah RM14.53 juta.

b. Prestasi Pelaksanaan Projek

Mengikut perancangan asal, projek akan dimulakan pada bulan Ogos 2007 dan tamat pada 27 September 2008 iaitu selama 60 minggu. Pada awalnya pelaksanaan projek agak lembab. Mengikut Minit Mesyuarat teknikal pada 21 November 2007, kemajuan kerja hanya 7.3% berbanding 29% yang dirancang. Notis Amaran Kelewatan Kerja telah dikeluarkan pada 4 Disember 2007 untuk menguatkuasakan Fasal 42 dan 54 syarat-syarat kontrak (denda lewat dan penamatan kerja) sekiranya FNCSB tidak meningkatkan usaha menyiapkan projek. Pada 21 Februari 2008, notis kedua bagi tujuan menamatkan kontrak telah dikeluarkan kepada FNCSB disebabkan kemajuan kerja hanyalah 8.9% berbanding 54.1% seperti dirancang. Kelewatan projek disiapkan adalah kerana menunggu kelulusan pemasangan lampu isyarat daripada Jabatan Kerja Raya, status tanah belum selesai dan masalah merobohkan kuil. Oleh itu, FNCSB telah memohon 3 kali lanjutan masa dan diluluskan seperti di **Jadual 3.3**. Projek telah dapat disiapkan sepenuhnya pada 24 Disember 2010 iaitu lewat 2 tahun 2 bulan daripada tarikh asal kontrak.

Jadual 3.3
Kelulusan Lanjutan Masa

Bilangan Lanjutan Masa	Tarikh Lanjutan Masa
Pertama	27.9.2009
Kedua	25.3.2010
Ketiga	24.12.2010

Sumber: Rekod Syarikat

c. Kualiti Pembinaan Projek

Berdasarkan dokumen kontrak, projek jalan ini adalah sepanjang 5.6 km merangkumi pembinaan sebuah jambatan. Berdasarkan penjelasan Pengurus Projek perubahan skop kerja pembinaan telah mendapat persetujuan bersama PKNP, PHTPSB dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Projek jalan ini dibahagikan kepada 2 iaitu jalan sepanjang 2.3 km dinamakan Jalan Protokol dan Jalan MSC sepanjang 2.7 km tanpa pembinaan jambatan. Lawatan Audit pada 11 April 2013 di Jalan Protokol mendapati kerosakan seperti berikut:

i. Jalan Rosak

Pembinaan Jalan Protokol adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MBI kerana ia dibina bagi kemudahan penduduk kawasan taman perumahan dan hanya kenderaan ringan boleh menggunakan jalan tersebut. Ketebalan komponen jalan yang diluluskan adalah 40 mm *wearing course*, 50 mm *binder course*, 375 mm *crushed aggregate road base* dan 150 mm *compacted sand*. Bagaimanapun setelah siap, jalan ini telah dilalui oleh kenderaan berat seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Akibatnya sebahagian daripada Jalan Protokol ini telah mengalami kerosakan seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**. Bagi pembinaan Jalan MSC, Syarikat telah meningkatkan ketebalan komponen jalan kepada 55 mm *wearing course* dan 65 mm *binder course* mengikut spesifikasi JKR supaya jalan tersebut tidak mudah rosak bagi laluan pelbagai kenderaan termasuk kenderaan berat.

Gambar 3.1
Kenderaan Berat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

Gambar 3.2
Kenderaan Berat




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

Gambar 3.3
Jalan Rosak Di KM 1.0 Bahagian Kiri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

Gambar 3.4
Jalan Rosak Dan Telah Di Tampil Semula Di KM 1.0 Bahagian Kanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

ii. Bahu Jalan Rosak

Berdasarkan kontrak, bahu jalan sehingga longkang konkrit di penghujung rizab jalan perlu ditanam rumput. Bagaimanapun, purata lebar bahu jalan iaitu 6.5 meter telah memberi ruang kepada pemandu kenderaan berat memberhentikan kenderaan untuk berehat menyebabkan rumput dan bahu jalan rosak. Sehingga akhir pengauditan pada 23 April 2013 bahu jalan tersebut masih belum ditanam rumput dan dibaikpulih. Bahu jalan yang rosak seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5

Bahu Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

iii. Longkang Tidak Disenggara

Pembinaan longkang konkrit sebagai medium saliran air ke sungai bertujuan untuk mengatasi limpahan air di jalan dan juga mencegah banjir. Lawatan Audit pada 11 April 2013 mendapati sebahagian longkang telah ditumbuhi rumput yang menyekat dan melambatkan pergerakan air ke sungai seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

Gambar 3.7
Longkang Ditumbuhi Rumput
Di KM 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

Gambar 3.8
Longkang Ditumbuhi Rumput
Di KM 2.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Protokol, BMR, Ipoh
Tarikh: 11 April 2013

iv. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013**, pada asalnya Jalan Protokol dibina mengikut spesifikasi Jalan Bandaran di bawah kategori Trafik (T3-T4) sepertimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Bagaimanapun pada masa ini, Jalan Protokol adalah merupakan *main feeder road* ke Lebuhraya Utara Selatan di mana pertambahan trafik terutamanya kenderaan berat amat ketara sekali. Berdasarkan kepada analisa trafik yang telah dilaksanakan, Jalan Protokol ini perlu dinaiktaraf kepada jalan utama di bawah kategori trafik T5. Pengiraan trafik yang dibuat untuk kedua-dua arah pada 20 Jun 2012 untuk tempoh 16 jam adalah seperti berikut:

- Motokar/teksi sebanyak 9,820 unit
- Van kecil sebanyak 1,972 unit
- Lori dan van besar sebanyak 1,284 unit
- Lori dengan 3 gandar sebanyak 653 unit
- Bas sebanyak 66 unit
- Motorsikal sebanyak 3,041 unit

Syarikat telah melantik jurutera perunding bertaualiah iaitu Perunding Amarbina Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja reka bentuk dan pelan telah pun dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya Kinta untuk ulasan dan maklum balas diterima pada 10 April 2013. Selanjutnya syarikat telah pun melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Protokol ini. Pada masa ini kerja-kerja *pavement testing & investigation* telahpun siap dilaksanakan dan Jurutera Perunding sedang melaksanakan *final design* untuk dikemukakan kepada JKR untuk kelulusan. Kerja-kerja fizikal dijangka akan dimulakan pada pertengahan bulan September 2013 setelah permit kerja dikeluarkan oleh JKR Kinta dan dijangka siap sepenuhnya pada 14 April 2014.

3.4.2.2. Merekabentuk, Membina Dan Menyiapkan Jalan Masuk Utama, Sistem Perparitan, Jambatan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Cadangan Perak Hi-Tech Park Di Chemor, Perak Darul Ridzuan

Sebuah kawasan seluas 1,357.77 hektar terletak di Khantan, Chemor telah dikenal pasti untuk menempatkan *high-value added industries* yang memberi fokus kepada penyelidikan dan pembangunan. Sebelum industri ini dapat dibangunkan, jalan masuk perlu dibina terlebih dahulu. Kontrak pembinaan jalan ini telah diberikan kepada Syarikat Ultivictory Sdn. Bhd. (SUSB) melalui pemilihan secara tender terbuka. Syarikat Ultivictory Sdn. Bhd. seterusnya telah melantik Pusaka Runding Sdn. Bhd. sebagai Juruperunding sivil dan struktur manakala Jurutera Perunding Setiakawan Sdn. Bhd. dilantik bagi menyelia kerja mekanikal dan elektrik. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Prestasi Kewangan

Projek ini dibiayai melalui Geran Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada PKNP dengan kos asal RM19.20 juta. Sehingga bulan April 2013, sebanyak 12 bayaran interim berjumlah RM9.64 juta telah dibuat kepada kontraktor dan perunding berkaitan serta selaras dengan *Critical Path Method* (CPM).

b. Prestasi Pelaksanaan Projek

Mengikut perancangan asal, tempoh projek adalah selama 24 bulan iaitu bermula pada 3 September 2007 dan tamat pada 2 September 2009. Bagaimanapun, pembinaan 3 buah jalan dan 2 buah jambatan lewat daripada jadual kerana masalah setinggan masih belum selesai mengakibatkan 3 lanjutan masa telah diluluskan seperti di **Jadual 3.4**. Sehingga 31 Mac 2013, berdasarkan CPM (Lanjutan masa No. 3), kemajuan kerja fizikal keseluruhan adalah 87% berbanding dengan 89% dirancang.

Jadual 3.4
Kelulusan Lanjutan Masa

Bilangan Lanjutan Masa	Tarikh Lanjutan Masa
Pertama	1.9.2011
Kedua	31.12.2012
Ketiga	30.8.2013

Sumber: Rekod Syarikat

c. Prestasi Pembinaan Projek

Berdasarkan kontrak, syarikat perlu membina 2 jambatan merentangi 2 sungai pada jalan sepanjang 1.08 km dan menyiapkan 3 buah jalan bersambung sepanjang 0.66 km, 1.08 km dan 1.50 km. Jalan sepanjang 0.66 km telah siap manakala jalan sepanjang 1.08 km dan satu jambatan hampir siap kerana masalah tanah setinggan masih belum selesai. Lawatan Audit pada 23 April 2013 di Jalan Masuk Utama Chemor mendapati perkara berikut

i. Pembinaan Tergendala

Pembinaan jalan dan longkang bagi jalan sepanjang 1.08 km dan 1.50 km tidak dapat diteruskan kerana masalah setinggan sepanjang laluan jalan ini belum dapat diselesaikan seperti **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**. Cadangan laluan jalan adalah seperti **Gambar 3.11**.

Gambar 3.9
Pembinaan Jalan Tergendala



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Utama PHTIP Chemor
Tarikh: 23 April 2013

Gambar 3.10
Pembinaan Longkang Tergendala



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Utama PHTIP Chemor
Tarikh: 23 April 2013



Gambar 3.11
Cadangan Jalan Sepanjang 1.50 KM
Belum Dimulakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Utama PHTIP Chemor
Tarikh: 23 April 2013

ii. Pembinaan Jambatan Kedua Tertangguh


Berdasarkan minit Mesyuarat Menyelesaikan Masalah Setinggalan bertarikh 30 Julai 2012, masalah ini terjadi disebabkan halangan daripada setinggalan tidak membenarkan kontraktor memasuki tapak. Sehubungan itu, jambatan kedua hanya boleh dimulakan pembinaannya sekiranya masalah setinggalan diatasi dengan segera. Jambatan pertama hampir siap dan lokasi Jambatan kedua adalah seperti di **Gambar 3.12** dan **Gambar 3.13**. Berdasarkan Mesyuarat yang sama menyatakan kelewatan ini memungkinkan ramai pelabur yang berminat untuk melabur di PHTIP akan mengalihkan minat ke tempat atau negeri lain.

Gambar 3.12
Jambatan Pertama Masih
Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Utama PHTIP Chemor
Tarikh: 23 April 2013

Gambar 3.13
Tapak Pembinaan
Jambatan Kedua



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Utama PHTIP Chemor
Tarikh: 23 April 2013

3.4.2.3. Pencerobohan Setinggaan

Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan tanah seluas 1,357.77 hektar di kawasan Khantan, Chemor bagi projek PHTIP. Sehingga kini, ia tidak dapat dilaksanakan kerana masalah setinggaan masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah setinggaan seperti berikut:

- a. Pada pertengahan tahun 2005, satu mesyuarat bersama wakil setinggaan yang dipengerusikan oleh ADUN Manjoi telah diadakan bersama PKNP, Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah Dan Daerah Kinta untuk menerangkan rancangan kerajaan bagi membangunkan PHTIP.
- b. Sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Setinggaan telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2007 untuk menjalankan kajian terperinci dan mencadangkan kaedah penyelesaiannya. Keahlian terdiri daripada Ketua Eksekutif Syarikat, Unit Tanah PKNP, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Awam Negeri Perak, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Jabatan Alam Sekitar Dan Sumber Manusia serta Pejabat Tanah Dan Galian Perak. Berdasarkan surat Syarikat bertarikh 24 Jun 2009 kepada Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Perak, banciaan bilangan setinggaan dan keluasan kawasan yang berada di PHTIP oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta PKNP seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Bilangan Setinggalan Dan Keluasan Kawasan

Bil.	Jenis Setinggalan	Bilangan Setinggalan	Keluasan (Hektar)
1.	Penanam Sayur	174	258.0
2.	Penternak Ikan Dan Itik	50	138.6
3.	Pengusaha Dusun	59	94.9
4.	Kilang Baja	1	0.8
Jumlah		284	492.3

Sumber: Rekod Syarikat

- c. Melalui beberapa siri perbincangan antara agensi kerajaan berkaitan dan Persatuan Petani Moden Chemor yang dianggotai oleh setinggalan terbabit, PKNP akan menyediakan 2 lot untuk memindahkan setinggalan seperti dipersetujui dalam mesyuarat bertarikh 25 Mei 2011. Lot pertama seluas 184.91 hektar diperuntukkan kepada setinggalan mengusahakan sayur dan ikan manakala lot ke dua seluas 160.06 hektar pula untuk mengusahakan dusun buah-buahan dengan pajakan selama 30 tahun. Dengan keputusan ini maka kerja-kerja pembinaan jalan masuk utama ke kawasan PHTIP boleh diteruskan mulai 1 November 2011. Lawatan Audit pada 23 April 2013 mendapati hanya jalan 0.66 km siap dibina jalan sepanjang 1.08 km dan jambatan pertama hampir siap manakala jambatan kedua tertangguh dan jalan sepanjang 1.50 km belum dimulakan.
- d. **Mengikut maklum balas bertarikh 9 September 2013, setinggalan berkenaan telah menjalankan aktiviti pertanian sejak sekian lama sebelum tanah kerajaan tersebut diluluskan untuk projek *Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)*. Kerajaan Negeri telah mengarahkan PKNP menyusun semula aktiviti-aktiviti tersebut dan 2 kawasan seluas 456.9 ekar untuk pekebun dan penternak dan 395.5 ekar untuk pengusaha dusun telah diperuntukkan dalam PHTIP. Surat tawaran pajakan selama 30 tahun telah dikeluarkan kepada 293 setinggalan pada 12 April 2012. Perjanjian Pajakan dapat diselesaikan setelah hakmilik tanah diperoleh pada 29 Jun 2013. Buat masa ini PKNP sedang berunding dan menyediakan Perjanjian Pajakan melalui Persatuan Pekebun dan juga peguam mereka dan dijangka dapat dimuktamadkan pada akhir tahun 2013.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah tidak memuaskan kerana prestasi pembinaan projek seperti jalan, longkang dan jambatan lewat disiapkan sehingga selama 4 tahun disebabkan masalah setinggalan. Ini telah menyebabkan projek PHTIP yang merupakan salah satu komponen pembangunan di bawah strategi negeri Perak ke arah menjadi negeri maju tahun 2015 lambat tercapai.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah penting sebagai peraturan dan amalan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan

perniagaan serta meningkatkan integriti syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

3.4.3.1. Peranan Dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

- a. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan Tahun 2007) menggariskan peranan, tanggungjawab serta keahlian Lembaga Pengarah untuk memastikan setiap Ahli Lembaga Pengarah mempunyai profesionalisme, integriti, kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai senarai secara bertulis tentang peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Selain itu, mengikut Seksyen 142, Akta Syarikat 1965, Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu dilaksanakan sekali dalam tempoh di antara tidak kurang daripada satu bulan dan tidak melebihi daripada 3 bulan. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Syarikat hanya bermesyuarat masing-masing sebanyak 1 kali pada tahun 2010, 2011 dan 2 kali pada tahun 2012.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah pada peringkat Syarikat induk PKNP telah diluluskan. Selanjutnya akan dipanjangkan ke Syarikat anak untuk digunapakai setelah mendapat kelulusan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Pihak pengurusan turut mengambil maklum dan akan mengatur Mesyuarat Lembaga Pengarah mengikut Seksyen 142, Akta Syarikat 1965.**

3.4.3.2. Jawatankuasa Audit

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menjelaskan berkaitan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Antara objektif penubuhan Jawatankuasa Audit ini adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan Syarikat Induk dan semua lapisan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu.
- b. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan pembentukan Jawatankuasa Audit Pengurusan pada 25 Oktober 2012 terdiri daripada seorang Pengerusi, 2 orang Ahli Jawatankuasa dan Pengurus Unit Audit Dalam (UAD) PKNP sebagai Setiausaha. Surat pelantikan telah dikeluarkan oleh Ketua Eksekutif Syarikat pada 16 Januari 2013 dan Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2013 telah diadakan pada 21 Februari 2013.

3.4.3.3. Unit Audit Dalam

- a. Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi Syarikat. Objektif UAD adalah untuk membantu Syarikat mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai UAD tetapi dipantau oleh UAD PKNP. Sehingga akhir pengauditan tiada pengauditan dijalankan oleh UAD PKNP bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013, pihak pengurusan mengambil maklum teguran Ketua Audit Negara dan akan memastikan program auditan dimasukkan dalam perancangan auditan dalaman bagi tahun yang akan datang.**

3.4.3.4. *Standard Operating Procedure*

- a. *Standard Operating Procedure (SOP)* merupakan sebuah dokumen rujukan penting bagi sesebuah syarikat. Ia mengandungi fungsi, prosedur dan proses kerja yang jelas kepada setiap Bahagian serta pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan *SOP* sebagai panduan pengurusan dan pentadbiran Syarikat.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013, melalui Mesyuarat Lembaga PHTPSB yang bersidang pada 23 Disember 2008 telah bersetuju melantik PCB Development Sdn. Bhd. untuk menguruskan Syarikat PHTPSB. Justeru itu, bagi melancarkan operasi Syarikat, pihak pengurusan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 30 Mac 2012 telah memaklumkan dan mendapat persetujuan agar *SOP* PCBD digunapakai sebagai garis panduan pengurusan dan pentadbiran Syarikat. Selari dengan proses penyusunan semula kumpulan PKNP, *SOP* bagi semua aktiviti masih di dalam peringkat penyediaan dan seterusnya akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan. Kemudian, ianya akan disahkan dan diluluskan untuk digunapakai di peringkat Syarikat anak.**

3.4.3.5. Polisi Dan Peraturan Kewangan Serta Perakaunan

- a. Polisi dan Peraturan Kewangan serta Perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan polisi dan peraturan kewangan serta perakaunan sebagai panduan pengurusan kewangan. Syarikat menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer OBM 98 (*Windows Accounting System*) dalam melaksanakan tugas kewangan dan perakaunan.

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013, minit Mesyuarat lembaga Pengarah PHTPSB yang bersidang pada 30 Mac 2012, polisi dan peraturan kewangan serta perakaunan PCBD menjadi garis panduan Syarikat PHTPSB bagi menjalankan operasi semasa Syarikat. Selari dengan proses penyusunan semula kumpulan PKNP, polisi dan peraturan kewangan serta perakaunan bagi semua aktiviti masih di dalam peringkat penyediaan dan seterusnya akan dibentang untuk mendapat kelulusan. Kemudian, ianya akan disahkan dan diluluskan untuk digunapakai di peringkat Syarikat anak.**

3.4.3.6. Perancangan Strategik Dan Petunjuk Prestasi


- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku BIRU Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat belum menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang serta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktiviti.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 10 Oktober 2013, pihak pengurusan ambil maklum bagi menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan panjang serta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktiviti Syarikat.**

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat Syarikat adalah tidak memuaskan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat serta memastikan objektif penubuhannya tercapai, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Syarikat Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 3.5.1.** Mengambil tindakan segera menaiktaraf Jalan Protokol mengikut spesifikasi JKR bagi menjamin ketahanan jalan dan menyerahkan kepada JKR bagi tujuan penyenggaraan.
- 3.5.2.** Perbadanan Kemajuan Negeri Perak perlu menyegerakan pelaksanaan keputusan mesyuarat bersama wakil setinggan supaya Syarikat dapat meneruskan pembinaan projek seperti yang dirancang.
- 3.5.3.** Memastikan *SOP*, rancangan korporat serta petunjuk prestasi utama serta Polisi Prosedur Kewangan dan Perakaunan disediakan dengan lengkap bagi memantapkan pengurusan kewangan Syarikat.
- 3.5.4.** Mewujudkan Unit Audit Dalam bagi memantau dan menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan Syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

3 Oktober 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my